Jabatan Antropologi dan sosiologi
No. Kelas: 85 Sa
No Perolehan: T 0976
Tarikh: 18 MAR 1986

KAJIAN

# PENCAPAIAN DI DALAM PENDIDIKAN DAN LATARBELAKANG SOSIO-EKONOMI

(SATU KES KAJIAN)

SARJIT KAUR A/P PRETHAM SINGH

NO. MATRIK 044120

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTRA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 1985/86

University of Malaya

# SINOPSIS

Kajian ini adalah untuk melihat kaitan di antara pencapaian pelajaran pelajar-pelajar dengan latarbelakang sosio-ekonomi mereka. Latarbelakang sosio-ekonomi ini termaksuklah pendapatan ibu-bapa, kemudahan-kemudahan dan sikap mereka.

Di dalam bab pertama pengkaji telah menerangkan mengenai tujuan-tujuan kajian. Pengkaji telah memilih aspek pendidikan iaitu faktor mobiliti sosial yang sangat penting. Metodologi yang digunakan dalam kajian serta masalah-masalah yang dihadapi semasa kajian dibuat dan cara-cara mengatasinya juga telah disentuh.

Bab kedua membincangkan teori-teori Kemiskinan dan Pendidikan yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli sosiologi tempatan dan Barat. Dibincangkan fungsi-gungsi pendidikan, konsep pendidikan dan kaitan di antara kelayakan pendidikan dengan pekerjaan, mengenai kemiskinan pula, pengkaji telah mengemukakan konsep kemiskinan, cara mengukurnya dan kaitan teori tersebut dengan pendidikan yang telah dikemukakan oleh Profesor Awang Had Salleh. Lokasi dan latarbelakang tempat kajian juga disentuh ini adalah perlu bagi pembaca untuk mengetahui dengan tepatnya lokasi kajian tersebut serta latarbelakang kampung itu seperti keadaan fizikal, kemudahan sosial dan sosio-ekonomi penduduknya serta latarbelakang sekolah.

University of Malaya

Bab ketiga memperlihatkan satu analisa keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) pelajar-pelajar sekolah tersebut untuk melihat tahap pencapaian dan kualiti kelulusan mereka.

Bab empat mengemukakan sebab-sebab pencapaian mereka rendah. Faktor sosio-ekonomi ibubapa dan sikap ibubapa dan pelajar-pelajar itu sendiri telah dihuraikan.

Bab kelima merupakan bab kesimpulan. Beberapa cadangan-cadangan telah dikemukakan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di kampung ini.

University of Malaya

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN ... ... ... ... ... ... ... i

SINOPSIS ... ... ... ... ... ... ... ii

KANDUNGAN ... ... ... ... ... ... ... iv

SENERAI JADUAL ... ... ... ... ... ... ... vi

SENERAI PETA/PELAN ... ... ... ... ... ... vii

BAB 1 PENDAHULUAN

1 : 1 Pengenalan 1

1 : 2 Tujuan Kajian 1

1 : 3 Kepentingan Kajian 2

1 : 4 Bidang Kajian 3

1 : 5 Metodologi 5

1 : 6 Masalah Kajian 11

1 : 7 Kesimpulan 13

BAB 2 TEORI DAN LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN

2 : 1 Pendahuluan 14

2 : 2 Definisi Pendidikan dan Latarbelakang Sosio-Ekonomi 14

2 : 3 Fungsi-Fungsi Pendidikan 15

2 : 4 Teori Pendidikan dan Kemiskinan 17

2 : 5 Lokasi dan Latarbelakang Tempat Kajian 28

2 : 6 Sekolah dan Pelajaran 43

Muka Surat

BAB 3 ANALISA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PEPERIKSAAN MALAYSIA DAN SIJIL RENDAH PELAJARAN 51

3 : 1 Pengenalan 51

3 : 2 Analisa Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 51

3 : 3 Pencapaian Agregit 55

3 : 4 Kesimpulan 56

3 : 5 Analisa Keputusan Sijil Rendah Pelajaran 57

3 : 6 Kesimpulan 62

BAB 4 FAKTOR-FAKTOR SOSIAL DAN EKONOMI YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR-PELAJAR

4 : 1 Pengenalan 66

4 : 2 Faktor-faktor Sosial 66

4 : 3 Faktor-Faktor Ekonomi 88

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN-CADANGAN

5 : 1 Pengenalan 91

5 : 2 Kesimpulan 91

5 : 3 Cadangan-Cadangan 94

BIBLIOGRAFI 98

LAMPIRAN 1 SOAL SELIDIK

University of Malaya

## SENERAI JADUAL


| | | | Muka Surat |
|---|---|---|---|
| JADUAL | 2 : 1 | Peratus Ketua Keluarga Belia-Belia Yang Dilahirkan Pada Tahun 1956 Dan 1960 yang Bekerja Mengikut Kelayakan Pelajaran Pada Tahun 1970 | 21 |
| JADUAL | 2 : 2 | Bilangan Penduduk Kampung | 36 |
| | 2 : 3 | Bidang Pekerjaan Penduduk | 39 |
| | 2 : 4 | Bidang Pekerjaan Responden | 41 |
| | 2 : 5 | Pendapatan Responden | 42 |
| | 2 : 6 | Bilangan Kelas | 46 |
| | 2 : 7 | Kakitangan Sekolah | 47 |
| JADUAL | 3 : 1 | Analisa Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia | 65 |
| | 3 : 2 | Pencapaian Agregit Terbaik | 56 |
| | 3 : 3 | Analisa Keputusan Sijil Rendah Pelajaran | 64 |
| JADUAL | 4 : 1 | Pencapaian Pelajaran Ibubapa | 70 |
| | 4 : 2 | Harapan Ibubapa Dalam Pencapaian Pelajaran Anak-Anak | 71 |
| | 4 : 3 | Bidang Pelajaran Yang Diingini Oleh Ibubapa Untuk Anak Mereka | 74 |
| | 4 : 4 | Masa Mengulangkaji Pelajaran Bagi Tingkatan Lima | 80 |
| | 4 : 5 | Masa Mengulangkaji Pelajaran Bagi Tingkatan Tiga | 80 |
| | 4 : 6 | Analisa Keputusan Bahasa Malaysia Sijil Pelajaran Malaysia | 84 |
| | 4 : 7 | Pendapatan Responden | 88 |


University of Malaya

# SENERAI PETA/PELAN


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| PETA 1 | Semenanjung Malaysia | 29 |
| PETA 2 | Terengganu | 29 |
| PETA 3 dan 4 | Kampung Bukit Payong | 49 |
| | Pelan Sekolah | 50 |


University of Malaya

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 PENGENALAN

Pendidikan dikatakan satu cara yang paling efisyen untuk mengurangkan ketidakstabilan ekonomi di dalam sesebuah masyarakat, apatah lagi sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia yang perlu mengatasi masalah kemiskinan. Latar belakang sosial juga mempengaruhi kemiskinan seperti pendidikan pendapatan, taraf kesihatan dan motivasi yang rendah akan mempunyai kesan negatif ke atas kemiskinan. Kemiskinan dipandang sebagai satu akibat daripada keadaan sosial dan taraf ekonomi sesuatu masyarakat.

Pendidikan merupakan salah satu daripada beberapa cara untuk mengatasi kemiskinan dan membawa kepada mobiliti atasan. Pencapaian dalam pelajaran akan mengubah latar belakang sosio-ekonomi kepada taraf yang lebih b aik. Secara tidak langsung faktor-faktor yang membawa kepada kemiskinan akan dapat diatasi.

## 1.2 TUJUAN KAJIAN

Para ahli Sosiologi Pendidikan percaya bahawa: 'that the schools could contribute toward that perfection by developing human intellect and by inspiring students to devote themselves to reforming society' (Ann Parker Parelius, 1978:1).

University of Malaya

Dengan ini pengkaji telah membuat satu kajian mengenai pencapaian dalam pelajaran di sebuah kampung Melayu untuk melihat sejauhmana kemiskinan itu berkait dengan pencapaian dalam pelajaran.

Kajian ini mempunyai beberapa tujuan:

a. Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat kaitan yang wujud di antara pencapaian dalam pendidikan dan latar belakang sosio-ekonomi dengan kemiskinan.

b. Tujuan kedua ialah untuk mengkaji sejauhmana kumpulan-kumpulan seperti ibubapa, guru-guru dan 'peer group' telah mempengaruhi pencapaian pelajaran di kalangan murid-murid.

c. Tujuan ketiga adalah untuk menguji samada pencapaian ibubapa yang rendah dalam pendidikan menyebabkan kemiskinan keluarga dan kemiskinan keluarga ini mengakibatkan anak-anak dalam keluarga itu tidak menerima pendidikan yang memuaskan.

## 1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Dengan kajian ini penulis berharap supaya pihak-pihak tertentu boleh mengambil atau membuat polisi-polisi tertentu untuk membaiki lagi sistem pelajaran di kampung ini.

Penulisan ini juga boleh menjadi suatu 'feed-back' kerana tidak pernah kajian dilakukan di sini, juga ia boleh menjadi satu garis panduan kepada pentadbir.

University of Malaya

## 1.4 BIDANG KAJIAN

Kajian ini memberi tumpuan khas kepada penuntut Melayu di sebuah sekolah luar bandar di Terengganu.

Bidang-bidang yang diliputi dalam kajian ini ialah aspek-aspek:-

a. EKONOMI

Merangkumi soalan-soalan tentang pendapatan keluarga, milikan harta benda, perbelanjaan keluarga, simpanan, pinjaman dan lain-lain yang berkaitan untuk memberikan kedudukan ekonomi mereka yang tepat. Soalan-soalan mengenai perbelanjaan ke atas perkebunan dan ladang getah juga ditanya seperti kos penyelenggaraan, kos buruh, perbelanjaan untuk bijibenih, jentera-jentera dan bahan kimia.

Milikan harta benda pula termasuk menyoal mengenai milikan rumah, tanah, barang-barang kemas, kemudahan-kemudahan di rumah seperti televisyen, radio, kipas, kereta dan sebagainya.

Perbelanjaan keluarga pula adalah perbelanjaan ke atas dapur, b il elektrik dan air, pakaian dan kesihatan.

b. SOSIAL

Termasuk biodata, kemudahan-kemudahan sosial dan keadaan sosial masyarakat kampung tempat kajian.

University of Malaya

Biodata adalah soalan-soalan menyeluruh mengenai responden iaitu nama, umur, pekerjaan, taraf pelajaran dan nama sekolah, bilangan anak dan jumlah anggota keluarga.

Kemudahan-kemudahan sosial adalah dari segi kesihatan iaitu kemudahan klinik, hospital dan bidan. Pengangkutan pula mengkaji menyoal mengenai jarak perhentian bas, kemudahan bas dan teksi di kampung kajian. Kemudahan-kemudahan sosial yang lain termasuk kemudahan air dan elektrik, padang, jalanraya, sekolah dan pejabat pos.

Keadaan sosial masyarakat kampung pula adalah seperti pakaian, makanan, perayaan dan bahasa mereka.

c. **PANDANGAN DAN PERSEPSI**

Bidang ini adalah penting bagi pengkaji untuk mengetahui pandangan dan persepsi ibubapa terhadap kepentingan pelajaran anak-anak mereka.

Soalan-soalan di sini adalah mengenai rancangan untuk masa depan anak mereka dari segi pelajaran, pekerjaan, motivasi, kewangan, peninggalan untuk anak dan samada ibubapa hendak anak mereka tinggal di kampung selama-lamanya atau berhijrah keluar.

## 1.5 METADOLOGI

Bahagian ini akan membincangkan perkara-perkara seperti berikut:-

1. PILOT SURVEY
2. QUOTA SAMPLING
3. TEMUBUAL
4. PENYERTAAN PEMERHATIAN (Participant Observation)
5. SOAL SELIDIK
6. LAIN-LAIN SUMBER DATA

Pengkaji telah bertolak dari Kuala Lumpur pada 7hb april 1985 pada pukul 10.00 pagi bersama dengna tiga rakan lain serta 'field supervisor' menaiki van Jabatan Antropologi dan Sosiologi.

Pengkaji terpaksa bermalam di Kuala Terengganu dan bertolak esoknya pada 8hb April 1985 ke tempat kajian. Sebelum sampai ke kampung tersebut pengkaji terpaksa berjumpa dengan Pegawai Daerah di bandar Jertih untuk dibawa ke kampung tersebut iaitu Kampung Bukit Payong. Pengkaji sampai ke rumah keluarga angkat pada pukul tiga petang.

### 1.5.1 PILOT SURVEY

Pengkaji pada mulanya terpaksa melakukan 'pilot survey' (tinjaun am) di kampung tersebut sebelum melakukan temuramah. Ini adalah untuk mengujudkan 'rapport' dengan penduduk tersebut terutamanya dengan Ketua Kampung (Tok Gawa), Guru-guru, pelajar-pelajar dan sebagainya.

Pilot survey adalah penting bagi pengkaji untuk mendapatkan satu ide mengenai kehidupan sosial dan norma-norma penduduk tersebut supaya senang untuk berinteraksi dengan mereka terutama sekali dalam menjalankan temuramah untuk mendapatkan maklumat tentang kajian tersebut.

## 1.5.2 QUOTA SAMPLING

Seramai 50 responden dipilih dengan metode ini kerana rumah-rumah di dalam kampung ini terletak sangat jauh di antara satu sama lain.

Quota sampling adalah:-

'The non-probability sampling equivalent of stratified sampling, with the added requirement that each stratum is generally represented in the sample in the same proportion as in the entire population' (Kenneth D. Bailey, 1978 : 81).

Walaupun bilangan sampel hanyalah 50 responden sahaja, namun begitu pengkaji telah mengambil kira faktor-faktor dan kriteria-kriteria tertentu agar bilangan ini dapat mewakili keseluruhan penduduk golongan miskin di kampung kajian, agar satu generalisasi dan gambaran yang benar dan tepat dapat diwujudkan.

Memandangkan perbelanjaan dan masa yang terhad dengan ini pengkaji tidak dapat mengkaji lebih ramai responden lagi.

## 1.5.3 TEMUBUAL

Cara yang paling efektif untuk pengumpulan data ialah temubual. Ia digunakan oleh kebanyakan pengkaji dan adalah kebiasaan dalam sains sosial, di mana pengkaji cuba mendapatkan keterangan dan jawapan dari responden.

'A survey interview is a conversation between interviewer and respondent with the purpose of eliciting certain information from the respondent' (Sir Clauss Moser and Graham Kalton 1970 : 81)

Temubual ini walaupun nampaknya senang tetapi ia adalah lebih kompleks dari keterangan di atas. Ia memerlukan 'accesibility', menampakkannya tidak formal walaupun ia sangat formal.

Pengkaji tidak boleh meletakkan pandangannya sendiri tetapi cuba membuat responden 'comfortable' supaya ia senang dan 'feel free' untuk memberikan jawapan dan pandangannya.

Pengkaji juga telah mengadakan beberapa temubual rasmi dengan Tok Gawa dan Ahli Jawatan Kuasa kecil kampung untuk mendapatkan maklumat seperti latar belakang kampung, penduduk dan kegiatan sosial.

Temubual ini juga telah banyak memberi maklumat kepada pengkaji kerana pengkaji telah menemubual guru-guru, guru besar, ibubapa dan murid-murid. Kaedah ini membuat suasana lebih informal dan responden merasa 'at home' untuk memberi pendapatnya.

Kaedah ini juga lebih senang daripada melakukan soal selidik di mana responden merasa terkongkong untuk memberi pendapatnya. Ini memberi peluang kepada pengkaji untuk mengemukakan kembali soalan-soalan tambahan sekiranya terdapat keraguan dalam jawapan yang diberikan dalam soal selidik. Secara tidak langsung ia mengurangkan kesilapan-kesilapan dalam penyelidikan.

Di dalam menjalankan temubual ini, pengkaji terpaksa menggunakan seorang 'juru bahasa'[1] pada mulanya kerana menghadapi masalah memahami bahasa daerah Kelantan. Juru bahasa ini juga berfungsi sebagai 'key informant' untuk mempastikan beberapa perkara itu benar kerana tidak dapat dinafikan adanya responden yang tidak jujur dalam jawapan mereka.

## 1.5.4 SOAL SELIDIK

Satu set soal selidik telah disediakan oleh Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya untuk menjalankan kajian ini. Ia meliputi soalan-soalan berbentuk terbuka (open-ended-questionnaire) dan tertutup (close-ended-questionnaire).

Soalan-soalan tertutup ialah:-

'The possible responses are contained in the questionnaire sothat respondent merely has to select the category which comes closest to his postion'. (Festinger and Katz, 1953 : 351).

Soalan-soalan terbuka pula ialah:-

---

[1] Juru Bahasa tersebut adalah adik angkat pengkaji, Faezuh Salleh.

"..... one in which the topic given is structured for the respondent but he is given the task of answering in his own words, structuring answers as he sees fit and speaking whatever he desires" (Festinger and Katz, 1953 : 351).

Soal selidik yang berbentuk terbuka dan tertutup ini memberi peluang pada pengkaji untuk meliputi banyak aspek-aspek dan mendapatkan 'information' yang seberapa tepat dan banyak yang boleh.

Daripada 50 responden itu kebanyakannya adalah penoreh getah dan bakinya merupakan buruh-buruh. Kebanyakan daripada responden ini tidak berasal dari Terengganu.

Soalan-soalan yang terdapat di dalam borang soal selidik ini meliputi soal-soal peribadi responden (biodata), kekeluargaan, persekolahan, pemilikan harta, politik, ekonomi, perumahan, aspek-aspek sosial dan juga pandangan mereka terhadap beberapa perkara seperti masalah negara.

## 1.5.5 PENYERTAAN PEMERHATIAN (Participant Observation)

Adalah suatu cara di mana pengkaji bercampur gaul dan bermesra dengan responden dalam kehidupan mereka sambil mengambil bahagian di dalam aktiviti seharian mereka.

Melalui teknik ini pengkaji dapat sendiri melihat gaya hidup dan perkelilingan mereka. Pengkaji juga menyertai kenduri kahwin[2] dan tolong

---

[2]Pengkaji berpeluang menyaksikan perkahwinan adik angkat, Faezah Salleh di kampung kajian tersebut.

University of Malaya

menolong seperti memasak dan mencuci pinggan.

Secara tidak langsung pengkaji mendapat peluang melihat tindakbalas, interpretasi dalam 'events' yang berlaku dan dapat mengkaji komuniti itu secara menyeluruh dan juga beberapa aspek yang diselitkan dalam perbualan-perbualan mereka dapat dikaji.

Penyertaan pemerhatian sangat penting dalam kajian ini kerana maklumat-maklumat yang tidak mungkin diperolehi dari soal-selidik seperti sikap, nilai, tingkahlaku dan aktiviti lain dapat diketahui.

### 1.5.6 LAIN-LAIN SUMBER DATA

Untuk kesempurnaan kajian, pengkaji terpaksa merujuk sumber-sumber lain termasuk.:-

1. 'Primary documents' atau penulisan oleh individu yang mengalami kejadian tersebut.
2. 'Secondary Documents' iaitu penulisan oleh individu yang mengkaji 'event' atau peristiwa yang berkaitan samada dengan temubual, 'eye witness' atau hanya dengan membaca 'primary documents'.
3. Sumber-sumber perpustakaan lain seperti journal-journal, surat-khabar-suratkhabar dan lain-lain bahan yang berkaitan.

University of Malaya

## 1.6 MASALAH KAJIAN

### 1.6.1 PENGENALAN

Semasa kajian ini dilakukan pengkaji telah menghadapi beberapa masalah dan kesulitan yang boleh dibahagikan kepada :-

1. Masalah Tempat Kajian
2. Masalah Responden

### 1.6.2 MASALAH TEMPAT KAJIAN

Rumah-rumah di kampung ini terletak sangat jauh di antara satu sama lain, tambahan pula cuaca di sini sangat panas. Oleh itu pengkaji terpaksa melakukan quota sampling untuk mendapatkan respondennya.

### 1.6.3 MASALAH RESPONDEN

1.6.3.1 Untuk mendapatkan sesuatu temubual pengkaji pada mulanya terpaksa mengatasi semua aral seperti kecurigaan responden dengan men-erangkan sejelas-jelasnya kenapa, mengapa dan pentingnya kajian tersebut terpaksa dijalankan. Pengkaji terpaksa berbudi bahasa, sabar dan memahami mereka untuk mendapatkan kerjasama sepenuhnya dari mereka.

1.6.3.2 Oleh kerana identiti pengkaji pada mulanya tidak diketahui, mereka terpaksa diyakinkan bahawa jawapan mereka adalah 'confidential' dan soalan-soalan sensitif hanya ditanya dengan teliti dan di akhir interview atau hanya apabila responden merasa 'at home' dengan kehadiran pengkaji

barulah soalan ini dikemukakan.

1.6.3.3 Responden yang merasa curiga pula pengkaji terpaksa menerangkan dengan perkataan lebih mudah untuk 'stimulate' mereka supaya berminat dalam temubual tersebut.

1.6.3.4 Ada juga responden yang selalu tiada di rumah. Mereka keluar kerja pada pagi hari dan pengkaji hanya dapat temubual dengan mereka pada sebelah tengahari atau petang sahaja tetapi ini juga tidak mencukupi kerana waktu rehat dan sembahyang mereka perlu diambil kira. Oleh itu pengkaji terpaksa membuat temujanji dan adakalanya responden hanya boleh ditemubual di sebelah malam sahaja.

1.6.3.5 Soal selidik yang begitu panjang dan terperinci itu menyebabkan responden merasa gelisah, penat dan bosan. Oleh itu pengkaji terpaksa membuat responden merasa 'at home' dengan memberikan keterangan yang lebih jelas dan cuba membuatkan keadaan lebih selesa serta melapangkan masa yang banyak untuk responden yang suka bercakap panjang lebar, tambahan pula ada orang-orang tua yang sememangnya 'loquacious'. Dengan ini satu responden boleh mengambil 1½ - 2 jam untuk satu borang soal selidik dan setengah dari jawapannya mungkin tidak relevan. Soalan-soalan sensitif ditanya dengan hati-hati supaya tidak menyinggung perasaan responden.

1.6.3.6 Responden juga ada yang tidak faham soal selidik yang berjela-jela panjang itu, ini wujudkan masalah penerimaan dan interpretasi. Dengan ini, pengkaji terpaksa menerangkan dengan panjang lebar dan menggunakan

ayat-ayat ringkas sahaja. 'Probing' dilakukan dengan soalan-soalan tambahan supaya maklumat lebih tepat boleh didapati.

Probing adalah perlu kerana ia adalah 'the chief function to lead the respondent to answer more fully and accurately or at least to provide a minimally acceptable answer'.

1.6.3.7 Masalah bahasa juga dihadapi oleh pengkaji pada awalnya dan seorang penterjemah diambil, tetapi selepas beberapa hari pengkaji dapat sesuaikan dan fahami pelat mereka.

## 1.7 KESIMPULAN

Walaubagaimanapun masalah-masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian ini telah dapat diatasi. Kelicinan kajian luar ini boleh dilakukan apabila pengkaji dapat menyesuaikan diri dengan suasana tempatan dan penduduk-penduduk tempatan.

University of Malaya

# BAB 2
# TEORI DAN LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN

## 2.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan teori-teori dan konsep yang akan digunakan untuk mengkaji kaitan latarbelakang tempat kajian dan sekolah dengan pencapaian pelajaran. Latarbelakang tempat akan disentuh dari segi kemudahan-kemudahan asas, keadaan fizikal, asal-usul kampung, kedudukan dari segi geografi, demografi penduduk serta kegiatan ekonomi penduduk. Teori-teori yang berkaitan dengan pendidikan yang akan digunakan ialah teori A.K.C Ottaway dan Profesor Kamal Saleh manakala teori-teori yang mengaitkan kemiskinan dengan pendidikan pula adalah oleh Profesor Awang Had Salleh.

## 2.2 Definisi Pendidikan Dan Latarbelakang Sosial-Ekonomi

### PENDIDIKAN

Pendidikan ialah kegiatan yang dilakukan secara sengaja, teratur dan bersistem dengan tujuan untuk mengubah tingkahlaku manusia ke arah yang diinginkan. Batasan ini merujuk kepada dimensi pendidikan sebagai:-

1. Tujuan pendidikan yang diinginkan.

2. Prosedur pendidikan untuk mencapai tujuan pendidikan itu.

University of Malaya

3. Teori atau informasi yang dijadikan landasan pendidikan.

4. Penilaian dan pengukuran iaitu usaha untuk menentukan apakah kegiatan dan tujuan yang dipergunakan.

Dua faktor yang penting di dalam pendidikan adalah:-

1. Untuk kecerdasan perseorangan.

2. Untuk kecekapan bekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan.

Terdapat dua aliran pemikiran yang dikemukakan oleh ahli-ahli falsafah:-

1. Aliran Kerohanian oleh Herbert Spencer.

2. Aliran Kebendaan mengikut John Milton. (Mahmud Junus, 1960 : 5-6).

## 2.3 FUNGSI-FUNGSI PENDIDIKAN

1. Untuk mengekalkan teknik-teknik saintifik dan teknoloji juga badan politik sesebuah masyarakat memerlukan wanita dan lelaki yang berkelayakan dan bijak untuk melibatkan diri dalam pekerjaan seperti pentadbir, perancang, ahli sains, ahli ekonomi dan lain-lain bidang profesional.

2. Apabila sisitem pengeluaran sesuatu masyarakat dikuasai oleh jentera-jentera, individu-individu menjadi mesin-mesin yang

University of Malaya

hilang aspek kemanusiaannya. Peranan pendidikan adalah untuk menimbulkan kesedaran agar aspek kemanusiaan dapat dikekalkan.

3. Pendidikan juga membolehkan berlakunya mobiliti atasan di dalam sesuatu masyarakat terbuka. Ia memberi peluang-peluang mengubah dan melahirkan satu masyarakat yang terpelajar.

Di dalam konteks negara kita Malaysia pula fungsi atau tujuan pendidikan adalah untuk :-

1. <u>INDIVIDU</u>

Untuk mencapai satu personaliti seimbang di dalam pertumbuhan fizikal, kecerdasan, moral, ugama dan juga nilai kesenian.

2. <u>SOSIAL</u>

Untuk memahami dengan lebih mendalam keadaan persekitaran termasuk sosial, ekologi, perlakuan manusia dan sifat tanggungjawab terhadap negara dan dunia.

3. <u>EKONOMI</u>

Untuk menggalakkan seseorang individu supaya mempunyai sikap bersaing, bertanggungjawab, bersifat positif dan rasional.

University of Malaya

4. POLITIK

Untuk menanamkan sikap cintakan negara dan sistem demokrasi dari peringkat kampung hinggalah ke peringkat kebangsaan.

5. MODENISASI

Untuk memiliki sikap hendak memajukan diri, negara, budaya dan juga kemajuan dari segi saintifik yang boleh diterima oleh masyarakat dan negara.

6. PERPADUAN NEGARA

Sifat bersatupadu di antara satu sama lain dengan tidak mengira latarbelakang ekonomi, etnik dan keturunan, termasuk juga menanamkan prinsip-prinsip Rukunegara seperti Kepercayaan Kepada Tuhan dan Kesetiaan Kepada Raja dan Negara.

7. PERSEFAHAMAN ANTARABANGSA

Iaitu sikap ingin bersatupadu, menggalakkan keamanaan dan kerjasama di antara negara-negara di dunia ini.

## 2.4 TEORI-TEORI PENDIDIKAN DAN KEMISKINAN

### 2.4.1 TEORI PENDIDIKAN

Sosiologi Pendidikan atau 'Sociology of Education' boleh ditakrifkan dengan ringkasnya sebagai: 'a study of the relations between

University of Malaya

education and society, it is thus a social study and in so far its method is scientific, it is a branch of social science. It is concerned with education aims methods, institutions, administrations and curvicular in relation to the economy, political, religious, social and cultural forces of the society in which they function. In the education of the individual it concerns the influence of social life and social relationships on the development of personality' (A.K.C. Ottaway, 1953 : 1).

Pelajaran juga penting di mana beberapa set nilai boleh diberikan kepada pelajar-pelajar, untuk mengadakan kawalan sosial. Pelajaran juga boleh membentuk perlakuan kanak-kanak dari kecil lagi supaya mereka berguna kepada masyarakat. Di samping itu sekolah dan pendidikan itu wujud akibat dari pengkhususan pekerjaan di dalam negara-negara yang membangun. Ia menjadi suatu agensi bagi pendidikan masyarakat. Amnya pendidikan dikatakan sebagai:-

'Education properly understood is an activity of the whole community. Education is in fact nothing other than the whole life of a community viewed from the particular standpoint of learning to live that life' (A.K.C. Ottaway, 1953 : 1).

Menurut Toh Kim Woon (Ethnicity, Class and Development Malaysia, 1984 : 224) pembuat-pembuat dasar dan polisi Malaysia tidak hanya bergantung kepada pelajaran sebagai satu cara untuk mengatasi dan mencapai kestabilan ekonomi. Namun demikian kerajaan Malaysia memberi penekanan yang kuat ke atas pelajaran untuk mencapai satu

kestabilan ekonomi. Walaupun penekanan diberi, sejauhmana efektifnya masih boleh dipersoalkan iaitu, 'adakah pelajaran dengan berkesannya telah mengurangkan ketidaksamaan dalam ekonomi.

Sejak kemerdekaan, Malaysia telah banyak menukar dasar pelajarannya terutama sekali selepas Lapuran Razak (1956) dan Murad. Sekolah-sekolah Kebangsaan banyak ditubuhkan dengan Bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantarnya tetapi tidak juga diabaikan sekolah-sekolah jenis Kebangsaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat yang berpelajaran tinggi akan mempunyai pekerjaan yang baik kerana terdapatnya 'correlation' antara orang yang berpendidikan dengan pekerjaannya.

Ini dibuktikan oleh Tumin dalam satu kajian di Puerto Rico di mana didapati individu yang berpendidikan tinggi mempunyai pekerjaan yang lebih baik dengan gaji yang lumayan. Ia mengatakan 'education opens up the class and keeps it fluid permitting considerably more circulation through class positions than would otherwise be possible'. (M.M Tumin and A. Feldman, 1961 : 44).

Tumin, Woronoff dan para sosiologist lain telah menekankan supaya pendidikan diberi keutamaan kerana ia membolehkan mobiliti atasan. Pendidikan formal sangat penting dan ia semestinya senang diperolehi terutama sekali bagi golongan miskin jika sebuah masyarakat yang 'egalitarian' hendak dilahirkan. Dengan memberi peluang yang

University of Malaya

sama kepada golongan miskin supaya mereka dapat mencapai taraf pendidikan yang tinggi seterusnya memiliki pekerjaan yang mempunyai pendapatan lumayan dan akhirnya membawa mereka keluar dari kemiskinan.

Tidak dapat dinafikan bahawa pelajaran merupakan satu saluran untuk mobiliti sosial. Ia memberi peluang kepada semua golongan masyarakat yang kaya, miskin, rajin dan berkebolehan untuk bergerak ke atas tangga sosial dan memperbaiki kedudukan sosial mereka.

Mengikut Lapuran Murad (1973) kelayakan dari segi pelajaran secara formal memberi suatu keuntungan yang ketara dalam pasaran pekerja - semakin tinggi pelajaran semakin baiklah peluang untuk mendapat pekerjaan. Tambahan pula, semakin tinggi pelajaran yang diterima oleh seseorang itu maka semakin banyak pula peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang mahir, pekerjaan berstatus tinggi yang memberi peluang lebih untuk kenaikan pangkat. Ini telah dibuktikan dari kajian yang telah dijalankan pada tahun 1970 di dalam Lapuran Murad ini.

JADUAL 2 : 1

**Peratus Ketua Keluarga Belia-Belia Yang Dilahirkan Pada Tahun 1956 Dan 1960 Yang Bekerja Mengikut Kelayakan Pelajaran Pada Tahun 1970.**

| Kelayakan Pelajaran | Bil. Contohan | Peratus Bekerja |
|---|---|---|
| Tanpa Pelajaran Formal | 6932 | 63.5 |
| Sedikit Pelajaran Sekolah Rendah | 8757 | 81.0 |
| Tamat Sekolah Rendah | 4341 | 84.0 |
| Menengah Rendah | 965 | 82.2 |
| Tingkatan IV atau V | 833 | 86.8 |
| Tingkatan VI atau lebih | 216 | 93.3 |

**Sumber: Lapuran Murad 1973 m.s. 8**

Dari antara 22,044 ketua keluarga 63.5% didapati tidak mempunyai pelajaran formal, 81% mempunyai sedikit pelajaran rendah dan daripada yang mempunyai pelajaran menengah rendah 82.2% mempunyai pekerjaan; daripada yang mempunyai kelayakan Tingkatan IV dan V, 86.8% mempunyai pekerjaan dan daripada yang mempunyai kelayakan. Tingkatan VI atau lebih 93.3% mempunyai pekerjaan.

Jelaslah di sini bahawa hubungan di antara pelajaran dan pekerjaan. Semakin tinggi pelajaran semakin besar kemungkinan seseorang itu mendapat pekerjaan.

University of Malaya

## LATARBELAKANG SOSIO-EKONOMI

Istilah ini digunakan untuk menerangkan kedudukan seseorang dengan membandingkannya dengan kedudukan orang lain. Seseorang yang dikatakan mempunyai taraf sosio-ekonomi yang tinggi adalah orang yang mempunyai pelajaran tinggi, pendapatan tinggi dan dengan secara tidak langsung tentunya latarbelakang sosio-ekonomi adalah tinggi juga. (Lapuran Murad, 1973 : 2).

Latarbelakang sosio-ekonomi adalah satu faktor penting (dan banyak dibuktikan kebenarannya dalam ilmu kaji masyarakat) untuk menerangkan tingkahlaku masyarakat. Dibuktikan bahawa sikap, nilai, rasa, kesukaan dan kebencian seseorang dipengaruhi oleh kedudukannya dalam masyarakat dan latarbelakangnya.

Penekanan diberikan kepada latarbelakang pelajar-pelajar seperti keadaan rumah, sikap, ibubapa, struktur sosial, pendapatan ibubapa, kelas-kelas bimbingan dan lain-lain faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian mereka dalam pelajaran.

## 2.4.2 TEORI KEMISKINAN

### PENGENALAN

Mountfield telah mengatakan bahawa 66% dari penduduk dunia kini berada dalam keadaan kemiskinan. Dari kenyataan ini kita boleh menyimpulkan bahawa kemiskinan merupakan satu fenomena universal dan ia bukan sahaja wujud di negara sedang membangun tetapi juga di negara-negara yang sudah maju seperti Amerika. Kebanyakan dari negara dunia ketiga dikatakan mempunyai tahap kemiskinan yang tinggi dengan kira-kira

University of Malaya

800 juta manusia yang hidup dalam keadaan miskin. Perhatian yang berat harus diberikan jikalau masalah kemiskinan ini hendak diatasi.

Di New York, Rowntree dalam penyelidikan klasiknya tentang kemiskinan telah membahagikannya kepada dua jenis:-

1. Primary Poverty

2. Secondary Poverty

Primary Poverty adalah kemiskinan yang berpunca daripada kekurangan dari segi tingkahlaku moral dan kecekapan berfikir.

Secondary Poverty pula adalah kemiskinan di mana individu mempunyai pendapatan di peringkat saradiri tetapi tidak dapat membelanjakan pendapatan itu untuk meneruskan kehidupan dan mendapatkan kehidupan yang baik.

Profesor Kamal Saleh di dalam sebuah Seminar Kemiskinan telah memberikan beberapa takrif kemiskinan. Menurut beliau yang mengalaminya adalah:

1. Golongan yang tidak mempunyai keupayaan pendapatan (inedequancy of income).

2. Golongan yang tidak mempunyai 'access' kepada sumber-sumber kuasa sosial seperti kuasa suara-politik, milikan punca-punca pengeluaran, pendidikan dan sebagainya.

3. Golongan yang tidak menikmati keperluan-keperluan asas seperti perlindungan, pemakanan, pendidikan asas, kesihatan dan pekerjaan yang mencukupi ukuran sara hidup sesuatu masyarakat bandar atau luar bandar.

## MENGUKUR KEMISKINAN

Cara yang paling baik adalah dengan mengukur pendapatan seseorang. Terdapat 2 cara yang boleh digunakan.

### 1. CARA MUTLAK (ABSOLUTE)

Ia merujuk kepada sesuatu standard minima dalam taraf hidup seseorang atau sesebuah keluarga yang ditetapkan mengikut keperluan, makanan, pakaian dan pendapatannya. Semua ini adalah sangat perlu untuk menampung kehidupannya dan inilah dikatakan sebagai garis kemiskinan.

Saiz kumpulan yang dikatakan miskin itu adalah yang berada di bawah garis kemiskinan ini. Ia boleh membezakan kedudukan kemiskinan yang berada di bandar dari yang di luar bandar.

### 2. CARA RELATIF

Cara ini pula membandingkan kemiskinan dengan kedudukan taraf hidup masyarakat itu keseluruhannya, di mana ia secara

University of Malaya

terus mengaitkan kemiskinan dengan agihan pendapatan dalam masyarakat tersebut.

Beberapa alternatif perhitungan garis kemiskinan relatif adalah:-

a. Pendapatan yang menggariskan satu had peratus golongan terbawah dalam taburan pendapatan, iaitu 40% ke bawah dan 20% ke bawah dikatakan miskin. Masalah timbul di sini apabila kita cuba menetapkan kedudukan kemiskinan sebelum memastikan keadaan sebenarnya dan juga apabila kita sentiasa membuat gambaran bahawa golongan miskin itu sentiasa ada. (Data bagi Malaysia dalam 1970, pendapatan perkapita yang membahagikan golongan 40% ke bawah adalah kurang sedikit daripada $25 sebulan).

b. Garis kemiskinan diletak kepada satu tahap seperti separuh dari pendapatan purata per kapita negara.

c. Cara 'income gap' iaitu pendapatan yang diperlukan untuk menaikkan semua keluarga miskin sampai ke paras garis kemiskinan.

Umumnya pendapatan seseorang atau seisi keluarga adalah digunakan sebagai petunjuk kemiskinan oleh kerana punca utama kemiskinan adalah disebabkan oleh pendapatan yang tidak mencukupi.

University of Malaya

Dari sudut sosiologi menurut Dr. Syed Husin Ali, kemiskinan adalah satu masalah universal, di mana ia sangat sukar untuk ditafsirkan dan diukurkan. Pernah juga dikatakan bahawa kemiskinan itu hanyalah 'in the state of mind'. Ini merupakan satu pendapat yang sangat subjektif dan boleh menafikan keadaan sebenar di dalam sesebuah masyarakat itu wujud orang yang berharta yang hidup senang-lenang, juga orang yang tidak mempunyai sebarang kemudahan dan hidup dalam kesempatan. Dari ini telah disimpulkan bahawa kemiskinan bererti satu keadaan kekurangan (deprivation). Kekurangan ini bermaksud mendapatkan beberapa keperluan hidup seperti:-

1. Keperluan asasi makanan, tempat tinggal dan pakaian.
2. Kemudahan sosial sekolah, hospital, air, api dan kadang-kadang juga kenderaan.

Dari ini mereka yang tidak mempunyai keupayaan, kebolehan atau tidak mampu mendapatkan seluruh keperluan itu adalah dianggap sebagai miskin. Mereka yang dikatakan paling miskin adalah yang tidak mampu mendapatkan keperluan asasi yang minimum apatah lagi mendapatkan kemudahan sosial.

Biasanya kemampuan untuk memenuhi keperluan asasi atau kemudahan sosial diukur dengan pendapatan. Terdapat kadar pendapatan yang hanya mencukupi untuk memampukan seseorang itu mendapatkan keperluan asas dalam hidupnya. Inilah yang dikatakan sebagai garis ke-

University of Malaya

miskinan atau paras kemiskinan. Garis kemiskinan bagi penduduk Malaysia keseluruhannya adalah $384/- bagi 5 ahli dalam sebuah keluarga mengikut laporan SERU. Ini bermakna mereka yang mendapat kurang dari jumlah ini dianggap sebagai golongan miskin.

Mereka yang mendapat pendapatan lebih dari paras ini, tetapi tidak mampu mendapatkan segala keperluan hidup adalah dianggap dalam keadaan kekurangan atau dalam keadaan kemiskinan.

Amnya kemiskinan adalah satu keadaan dimana :-

a. Wujud ketidakupayaan mendapatkan keperluan asasi iaitu makanan, perumahan serta pakaian dan kemudahan sosial seperti air, api, hospital dan sekolah.

b. Dari segi ekonomi keadaan ini timbul sebab ketiadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan pekerjaan dan lain-lain.

c. Dari segi sosial golongan yang dikatakan miskin itu menduduki lapisan bawah dalam sistem susunlapis sesuatu masyarakat.

## 2.4.3 KAITAN KEMISKINAN DAN PENDIDIKAN

Kaitan antara kemiskinan dan pendidikan ini akan dibincangkan mengikut pendapat yang dikemukakan oleh Profesor Awang Had Salleh di mana beliau mengatakan bahawa kemiskinan menyebabkan pendidikan yang dicapai rendah dan ini mengakibatkan perlanjutan kemiskinan kekeluargaan.

University of Malaya

Cara lain yang dikemukakan oleh beliau untuk melihat kaitan kemiskinan dan pendidikan adalah di mana P ----> K ----> P iaitu pendidikan yang rendah yang dicapai oleh ibubapa menyebabkan kemiskinan keluarga dan kemiskinan keluarga ini mengakibatkan anak-anak dalam keluarga itu tidak menerima pendidikan yang memuaskan. Jelas ini memberikan gambaran yang sama.

VICIOUS CIRCLE




Rajah di atas menunjukan bulatan mengganas atau 'vicious circle'. Jika kita diselamatkan atau jauhi dari kemiskinan maka terdapat peluang atau harapan yang lebih baik untuk memberikan anak-anak kita pendidikan yang lebih baik. Apabila anak-anak mendapat pendidikan yang baik dan tinggi pencapainnya maka mereka secara tidak langsung telah melepaskan diri dari bulatan kejam ini.

## 2.5 LOKASI DAN LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan kedudukan Kampung Bukit Payong dari segi geografi, asal-usulnya, penduduk, keadaan fizikal, pendapatan, kemudahan sosial dan seumpamanya.

University of Malaya

## KEDUDUKAN ILMU ALAM

### PETA 1 SEMENANJUNG MALAYSIA




1. Perlis
2. Kedah
3. Pulau Pinang
4. Perak
5. Selangor
6. Negeri Sembilan
7. Johor Baharu
8. Pahang
9. Terengganu
10. Kelantan

### PETA 2 TERENGGANU




1. Besut
2. Ulu Terengganu
3. Kuala Terengganu
4. Marang
5. Dungun
6. Kemaman

University of Malaya

Dari segi pentadbiran Negeri Terengganu dibahagi kepada 6 jajahan atau daerah iaitu Kuala Terengganu (500.7 batu persegi), Ulu Terengganu (1474.1 batu persegi), Marang (208 batu persegi), Dungun (1018.4 batu persegi), Kemaman (947.1 batu persegi) dan Besut (879.2 batu persegi). Tiap-tiap daerah dipecahkan kepada beberapa buah mukim dan terdapat 84 mukim (termasuk sub-mukim) dalam negeri ini.

Ketua birokrasi bagi tiap-tiap daerah ialah Pegawai Daerah (District Officer) dan pada sesebuah mukim diketuai oleh Penggawa yang dilantik oleh Kerajaan dengan bertauliah dari Sultan. Di dalam lingkungan mukim terdapat beberapa buah kampung yang masing-masing ditadbirkan oleh seorang Penghulu atau kadang-kadang oleh seorang Ketua Kampung.

## 2.5.1 DAERAH BESUT SEPINTAS LALU

Besut merupakan daerah paling ke utara di dalam Negeri Terengganu dan mempunyai penduduk kedua ramai selain dari daerah Kuala Terengganu, iaitu seramai kira-kira 79, 228 orang. Jumlah ini lebih kurang 1/5 daripada keseluruhan penduduk negeri ini. Sejarah awal Besut masih kabur dan tidak ada keterangan atau bukti-bukti tertulis yang jelas menerangkan perihal Daerah Besut ini. Nama Besut mengikut orang tua terbit dari nama ketua seorang Pangan atau Orang Asli.

Ada sebanyak 21 buah mukim dalam Daerah Besut. Jarak daerah Besut dengan ibu negeri di Kuala Terengganu ialah lebih kurang 75 batu dan jarak daerah Besut dengan bandar Kota Baru ialah 30 batu sahaja.

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Ibu pejabat di dalam segala urusan pentadbiran bagi seluruh Daerah Besut ini berpusat di Kampung Raja yang jaraknya lebih kurang 6¾ batu dari bandar Jertih. Kampung Raja merupakan sebuah perkampungan yang tertua dan terdapat sebuah istana lama tempat kediaman Raja yang memerintah di daerah ini pada zaman dahulu.

Pekerjaan utama bagi penduduk-penduduk Daerah Besut ini boleh dibahagikan kepada 2 bidang yang utama. Bagi penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman pekerjaan utama ialah melibatkan diri di dalam kegiatan pertanian khususnya menanam padi, tembakau, berkebun kelapa dan getah.

Bagi penduduk yang tinggal di kawasan yang berdekatan dengan laut, pekerjaan utamanya adalah perikanan iaitu nelayan.

## 2.5.2 KEADAAN FIZIKAL KAMPUNG BUKIT PAYONG

Luas kawasan ini adalah lebih kurang 3600 meter persegi. Terdapat sebatang sungai iaitu Sungai Besut, kawasan hutan, 2 buah bukit, ladang getah sebuah jalanraya utama dan kawasan penempatan. (Sila rujuk kepada peta lakar Kampung Bukit Payong dalam Peta 3 dan 4).

Sungai Besut merentasi bahagian barat kampung dari Utara ke Selatan. Lebar sungai ini ialah lebih kurang 200 meter.

Kampung ini mendapat namanya dari sebuah bukit yang terdapat di timurnya iaitu Bukit Payong yang ditanam dengan pokok getah

secara meluas. Sebuah bukit lagi terdapat di utara Kampung Bukit Payong iaitu Bukit Mali yang diliputi dengan hutan.

Terdapat sebuah kawasan hutan yang luas merentangi sepanjang Sungai Besut. Ia adalah 400 meter lebar dan terletak di sebelah Timur Kampung Bukit Payong. Di sebelah Barat, hutan ini bersempadan dengan kawasan penempatan kampung Bukit Payong.

Terdapat sebuah jalanraya utama yang merentasi kampung ini dari utara ke selatan. Ia menghubungkan kampung ini dengan bandar Jertih di utara dan Keruak di selatannya.

Di tengah-tengah kampung ini ialah kawasan penempatan penduduk-penduduk yang mendiami kawasan Kampung Bukit Payong.

## 2.5.3 CORAK DAN JENIS PENEMPATAN

Corak penempatan kampung ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu:-

1. Sejajar
2. Berselerak

Corak penempatan sejajar terdapat di sepanjang jalanraya utama sahaja. Kawasan-kawasan lain dipenuhi dengan corak penempatan berselerak.

Rumah-tumah di kampung ini diperbuat dari papan. Hanya

2 buah rumah sahaja yang sebahagian daripada rumah itu dibina dari batu. Lima buah rumah adalah dalam keadaan yang sangat buruk dan hampir runtuh. Rumah-rumah ini dimiliki oleh keluarga-keluarga yang terlalu miskin.

Kebanyakan daripada rumah-rumah tersebut mempunyai 2 buah bilik tidur, sebuah dapor, sebuah bilik mandi, sebuah tandas dan sebuah ruangtamu yang luas. Tiap-tiap rumah mempunyai persekitaran yang agak luas. Ianya digunakan untuk menternak ayam-itik. Di belakang rumah ini terdapat kebun-kebun getah.

Dua buah sekolah terdapat di tengah-tengah di antara jalanraya utara dan kawasan hutan di Barat kampung itu.

Rumah-rumah kedai terletak di sepanjang timur jalanraya utama yang terdapat di kampung ini.

## 2.5.4 KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SOSIAL

Kemudahan sosial yang paling asas dan penting seperti bekalan air dan elektrik boleh didapati di kampung ini. Mengikut Ahli Jawatankuasa Kecil Kampung masih terdapat rumah-rumah di kawasan pedalaman yang masih menggunakan air perigi.

Terdapat sebuah masjid yang dibina dalam tahun 1959 yang sederhana keadaannya. Begitu juga ada sebuah surau yang dibina dalam tahun 1960.

Ada sebuah klinik bidan di sini untuk perkhidmatan penduduk kampung ini. Jururawat di sini ada juga membuat lawatan dari rumah ke rumah untuk memberi nasihat dan rawatan.

Terdapat dua buah sekolah, sebuah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah yang dibina dalam tahun 1975. Keadaan sekolah-nya adalah baik dan masih baharu. Sebuah pusat tadika juga terdapat untuk kanak-kanak berumur lima hingga enam tahun.

Walaupun tidak terdapat Pejabat Pos tetapi perkhidmatan seorang wakil pos diadakan yang mengambil surat-surat serta menghantarnya di sebuah kedai runcit. Terdapat sebuah talipon awam tetapi adalah dalam keadaan yang buruk akibat daripada keadaan tidak tahu menjaga harta awam.

Ada sebuah padang bola di hadapan sekolah menengah untuk permainan-permainan dan pertandingan-pertandingan.

Jalanraya yang bertar terdapat di kampung ini iaitu jalan besarnya. Jalan-jalan lain adalah jalan tanah merah dan lorong-lorong sahaja menuju ke rumah-rumah dan kebun getah. Jalan ini digunakan kebanyakannya oleh kenderaan seperti basikal dan motosikal sahaja.

Perkhidmatan bas dan teksi walaupun terdapat tetapi adalah sangat lembab. Bas hanya terdapat sejam sekali sahaja. Oleh itu penduduk kampung ini biasanya menumpang ataupun 'hitch hike'.

Berkait dengan kegiatan sosialnya pula, terdapat sebuah Persatuan Belia, Belia 4B dan juga Rela. Kegiatannya walaubagaimanapun adalah dalam kadar sederhana sahaja dan dianggotai oleh pemuda-pemuda dan responden sesuatu rumahtangga.

Amnya boleh disimpulkan bahawa kampung ini mempunyai kemudahan sosial asas yang baik.

**2.5.6 PENDUDUK**

Jumlah penduduk kampung ini mengikut data 1982 yang diberikan oleh Setiausaha Ahli Jawatankuasa Kecil Kampung adalah berjumlah 1077 orang. Jumlah keluarga yang ada ialah 217 buah.

Bilangan lelaki adalah 495 orang dan wanitanya 582 orang. Data di bawah menunjukan taburan bilangan penduduk kampung itu mengikut umur. (Jadual 2 : 2).

Proposi terbesar penduduk kampung ini merupakan kanak-kanak yang berumur dari 5-6 tahun iaitu 22%. Di bawah 5 tahun pula adalah 18%. Ini menunjukkan bahawa ibubapa mempunyai bilangan anak yang ramai atau kadar kelahiran adalah tinggi.

Penduduk yang berumur antara 13-25 tahun atau belia-belia adalah 36% termasuk pelajar-pelajar sekolah. Penduduk yang berumur dari 26-35 tahun hanyalah 9.5% dan yang berumur dari 36-45 tahun pula adalah

7.2%. Penduduk yang telah berumur pula iaitu 46-55 tahun adalah 5.4% dan lebih dari 55 tahun pula hanya sebanyak 3.6%. Ini menunjukkan bahawa kadar kematian juga adalah tinggi. Belia-belia dari umur 26-35 tahun adalah sedikit bilangannya kerana kebanyakan dari mereka bekerja di luar kampung atau bandar. Ini adalah fenomena yang umum didapati di dalam sesebuah kampung di mana belia-belia suka berhijrah keluar.

JADUAL 2 : 2
BILANGAN PENDUDUK KAMPUNG

| UMUR | JUMLAH | PERATUS |
|---|---|---|
| 5 tahun | 182 | 18 |
| 5 - 6 | 221 | 22 |
| 13 - 17 | 169 | 16 |
| 18 - 25 | 170 | 16 |
| 26 - 35 | 96 | 9.5 |
| 36 - 45 | 73 | 7.2 |
| 46 - 55 | 55 | 5.4 |
| > 55 | 37 | 3.6 |
| | 1003 | 100 |

**Sumber: Pejabat Ahli Jawatankuasa Kecil Kampung.**

University of Malaya

## 2.5.7 KEADAAN SOSIAL PENDUDUK KAMPUNG BUKIT PAYONG

Aspek sosial boleh dikaji dari beberapa segi seperti perayaan-perayaan, pakaian, kegiatan sosial, makanan dan kelengkapan rumahtangga.

Perayaan-perayaan yang dirayakan di kawasan kajian ialah Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji kerana penduduk di kawasan ini adalah berugama Islam. Upacara-upacara lain yang penting dalam kehidupan mereka (life-cycle) adalah seperti kelahiran bayi, bersunat, tamat mengkaji Al-Quran, perkahwinan dan kematian. Kenduri pada skel kecil akan diadakan untuk para hadirin. Apabila sesuatu majlis itu diadakan semua penduduk kampung akan hadir dan menolong membuat persediaan seperti memasak dan menghias.

Dari aspek pakaian pula bagi gadis-gadis dan wanitanya, pakaian tradisional menjadi pakaian utama baik di rumah atau di luar rumah. Pakaian itu ialah kain sarong, baju kurong, baju kebaya dan tidak ketinggalan ialah selendang. Bagi lelaki pula kain sarong biasanya dipakai di rumah, tetapi pakaian di luar rumah ialah pakaian seluar panjang dan baju - T yang sederhana sahaja.

Makanan harian bagi penduduk kampung ini ialah nasi tetapi lauk dimakan bersamanya adalah sangat sedikit. Ikan dimasak hampir setiap hari kerana harganya murah. Kicap digunakan untuk masakan dengan banyaknya. Budu juga menjadi makanan kesukaan mereka, dimakan hampir setiap hari.

Pergerakan dan Persatuan yang didapati di sini adalah seperti Persatuan Belia, Belia 4B dan Rela. Persatuan-persatuan ini mengadakan aktiviti-aktiviti seperti pertandingan boleh sepak dengan belia-belia mukim atau kampung-kampung lain.

Kelengkapan rumahtangga di kampung ini adalah ditentukan oleh kedudukan ekonomi mereka. Jika keluarga tersebut mempunyai kebun getah sendiri maka pendapatan keluarga tersebut adalah tinggi. Oleh itu kelengkapan rumahtangganya adalah baik iaitu adanya radio, televisyen, kereta, set kusyen, katil dan kipas angin. Barang-barang tersebut adalah barang-barang mewah di kampung ini. Tidak terdapat barang-barang lebih mewah dari yang disebutkan di atas. Termasuk di dalam kategori ini adalah 12% daripada responden yang mempunyai kereta dan 26% yang memiliki peti ais.

Bagi rumahtangga yang termiskin dalam kampung ini pula keadaannya adalah lebih buruk, tidak terdapat satu pun alat kelengkapan rumah, pelita digunakan dan keadaan rumah juga sangat kotor.

Bahasa utama di sini adalah bahasa Melayu loghat Kelantan. Ini tidak menghairankan kerana hampir 100% daripada penduduk ini berasal dari Kelantan.

## 2.5.7.1 KEADAAN EKONOMI PENDUDUK KAMPONG BUKIT PAYONG

Kebanyakan daripada penduduk Kampong Bukit Payong terlibat dalam bidang perkebunan ataupun pertanian. Daripada data setiausaha Ahli

Jawatankuasa Kecil Kampung didapati bahawa penglibatan dalam bidang-bidang tertentu adalah seperti berikut:-

JADUAL 2 : 3
BIDANG PEKERJAAN PENDUDUK

| BIDANG PEKERJAAN | JUMLAH | PERATUS |
|---|---|---|
| Petani | 20 | 10 |
| Nelayan | 0 | 0 |
| Berniaga | 25 | 12.5 |
| Penoreh Getah | 120 | 60 |
| Kerja Kampung | 20 | 10 |
| Kerajaan/Swasta | 15 | 7.5 |
| | 200 | 100 |

**Sumber: Pejabat Ahli Jawatankuasa Kecil Kampung**

Daripada jumlah 200 responden atau ketua rumahtangga didapati bahawa 60% adalah merupakan penoreh getah. Ini tidaklah menghairankan kerana kampung ini merupakan sebuah kampung berdasarkan pertanian atau perkebunan. Penoreh getah ini terdapat dalam berbagai kategori di mana terdapatnya tuan punya ladang getah yang hanya menggaji pekerja-pekerjanya, ada tuan tanah yang pajakkan dan juga sistem pawah dilakukan. Biasanya penoreh getah yang bekerja hanya dengan sistem pawah yang mendapat pendapatan paling kurang iaitu antara $151-$300 sebulan. Penoreh

getah ini tidak miliki sebarang kebun getah. Tuan punya ladang biasanya merupakan responden yang mendapat pendapatan agak lumayan.

Petani pula merupakan 10% daripada keseluruhan pekerjaan yang lain. Petani-petani ini adalah yang mengerjakan kebun pisang, kelapa dan sayur-sayuran. Kebun-kebun ini selalunya terletak di pedalaman kawasan ini. Kebunnya adalah kepunyaan petani itu sendiri yang biasanya dibeli dari kerajaan.

10% pekerjaan lagi adalah kerja kampung. Di sini kerja kampung dimaksudkan seperti kerja-kerja tukang kayu dan pertukangan yang lain. Pendapatan mereka adalah tidak tetap dan kerjanya juga tidak tetap.

Bidang perniagaan merupakan bidang kedua besar yang diceburi selepas menoreh getah. Bidang perniagaan ini diceburi selepas menoreh getah. Bidang perniagaan ini diceburi oleh 12.5% responden. Mereka hanya berniaga di dalam kampung itu sendiri seperti memiliki sebuah kedai runcit, tukang gunting rambut, tukang menjahit baju dan kedai-kedai makanan. Skala perniagaan mereka adalah sederhana sahaja untuk orang-orang kampung itu sahaja. Kedai runcit sebagai contohnya menjual barang-barang keperluan harian untuk memasak seperti bawang, kicap, belacan, budu, garam dan lain-lain. Tidak ada barang-barang yang bertaraf lebih dari 'giffen goods'. Kedai makanan pula menjual makanan tempatan dan minuman-minuman.

Responden yang berkhidmat dengan kerajaan atau swasta pula merupakan bilangan yang paling sedikit iaitu 7.5% sahaja. Pekerjaan yang

dimaksudkan di sini adalah guru, Pegawai Pinggir, Pegawai dari Jabatan Hasil Tanah dan pekerjaan swasta pula adalah responden yang berkerja di kilang-kilang di Kuala Terengganu. Walaubagaimanapun majoriti daripada responden ini adalah berkhidmat dengan kerajaan sebagai guru dan ada juga yang bekerja sebagai jaga sekolah.

Amnya kebanyakan daripada penduduk kampung ini bergiat di dalam perkebunan getah dan mendapat pendapatan yang rendah.

Bidang pekerjaan bagi responden pula adalah seperti dijadual berikut:-

JADUAL 2 : 4

BIDANG PEKERJAAN RESPONDEN

| BIDANG PEKERJAAN | JUMLAH | PERATUS |
|---|---|---|
| Petani | 7 | 14 |
| Berniaga | 3 | 6 |
| Penoreh Getah | 33 | 66 |
| Kerja Kampung | 3 | 6 |
| Kerajaan/Swasta | 4 | 8 |
| | 50 | 100 |

Dari data lebih daripada separuh responden iaitu 66% adalah penoreh getah dan hanya 8% yang berkhidmat dengan kerajaan ataupun swasta. 14% merupakan petani, 6% berniaga dan 6% lagi membuat kerja kampung.

University of Malaya

2.5.8.1 PENDAPATAN

JADUAL 2 : 5

PENDAPATAN RESPONDEN

| PENDAPATAN SEBULAN | BILANGAN | PERATUS |
|---|---|---|
| 0 - 150 | 8 | 16 |
| 151 - 300 | 25 | 50 |
| 301 - 450 | 9 | 18 |
| 451 - 600 | 3 | 6 |
| 601 - 750 | 2 | 4 |
| 751 - 900 | 3 | 6 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Dari kajian didapati 50% daripada responden mendapat pendapatan antara $151-300 sebulan Responden ini adalah pekerja di kebun getah yang tidak memiliki ladang sendiri. 18% responden pula mendapat $301 - 450 sebulan yang juga merupakan pekerja di ladang getah tetapi yang memiliki ladang atau kebun sendiri. 16% yang mendapat $150 sebulan adalah responden yang tidak mempunyai kerja tetap iaitu hanya melakukan kerja-kerja kampung seperti bertukang.

6% responden yang mendapat $451-600 sebulan pula adalah tuanpunya ladang atau kebun-kebun getah yang dapat menjalankan sistem

pawah. 10% responden yang mendapat $601-900 adalah termasuk Pegawai Pinggir dan Pegawai Ukur Tanah.

Dari itu didapati bahawa lebih dari 84% dari responden mendapat kurang dari $450 sebulan di mana majoritinya mendapat kurang dari $300 sebulan (50%) yang menyebabkan timbulnya masalah kemiskinan.

## 2.6 SEKOLAH DAN PELAJARAN

### 2.6.1 PENGENALAN

Sekolah di kampung ini hanya dibina pada tahun 1977 oleh Kerajaan Besut dan ia masih dalam keadaan baru dan bersih. Sebelum ini Kampung Bukit Payong tidak mempunyai sistem persekolahan dan pelajaran yang formal. Hanya terdapat pendidikan dari segi agama sahaja dan oleh itu pencapaian pelajaran di sekolah ini masih tidak begitu memuaskan kerana sikap yang diingini untuk melahirkan murid-murid cergas belum lagi kedapatan di kalangan murid-murid sekolah ini dan juga di kalangan ibubapa murid-murid tentang peri pentingnya sistem pendidikan untuk anak mereka.

### 2.6.2 CORAK PENDIDIKAN

Corak pendidikan yang diikuti oleh sekolah ini adalah sistem pendidikan mengikut Laporan Razak (1956) yang bertujuan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan negara dan juga untuk mengekalkan pertumbuhan kebudayaan dan bahasa kaum lain.

Struktur pelajarannya pula adalah, 6 tahun di sekolah rendah iaitu murid-muridnya berumur 6 hingga 12 tahun. Selepas tammat sekolah rendah mereka akan memasuki sekolah menengah dari tingkatan 1 hingga 6 atas.

Di sekolah ini biasanya pelajar-pelajar yang telah lulus Sijil Pelajaran Malaysia akan meneruskan pelajaran mereka ke sekolah Tengku Mahmood.

## 2.6.3 KEADAAN FIZIKAL SEKOLAH TEMPAT KAJIAN

Sekolah ini dibina lima tahun yang lepas oleh sebab itu ia dalam keadaan baru dan bersih. Terdapat dua bangunan utama yang mempunyai 20 buah bilik darjah, sebuah makmal, bilik guru dan pejabat am.[1] Bilik Seni Perusahaan diasingkan dari bangunan ini kerana bunyi bising alat-alatnya. Di antara kedua bangunan ini dihiasi dengan pokok-pokok bunga. Semasa kajian ini dijalankan sebuah asrama sedang dibina untuk pelajar-pelajar yang tinggal jauh dari sekolah. Sebuah padang bola terdapat di sebelah kiri sekolah yang digunakan untuk perhimpunan dan aktiviti sukan. Ada sebuah kantin kecil menjual makanan ringan dan tempat letak basikal untuk pelajar-pelajar terdapat di sebelah kanan bangunan utama. Sekeliling sekolah dan padang bola dipagar dan terdapat satu pintu masuk yang utama. Di dalam kawasan sekolah ini juga terdapat rumah kediaman untuk guru-guru sekolah.

---

[1]Pejabat Am dan Pejabat Guru Besar.

## 2.6.4 KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UNTUK PELAJARAN

Di antara kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah ini adalah sebuah perpustakaan, sebuah makmal Sains, bilik Seni Perusahaan, Bilik Jahitan dan Masakan serta Skim Pinjaman Buku dari Kerajaan.

Walaupun ada perpustakaan, ia sangat kecil dan tidak mempunyai buku-buku rujukan yang cukup untuk kegunaan pelajar-pelajar. Ini berpunca daripada masalah kewangan namun demikian makmal Sains dan bilik Seni Perusahaan berada dalam keadaan baik. Tetapi guru-guru di situ mengatakan bahawa alat-alat untuk ujikaji yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran tiba lambat dan ini menjadi penghalang kepada ujikaji yang sepatutnya dijalankan.

Guru-guru di sini pernah menjalankan kelas-kelas bimbingan untuk pelajar-pelajarnya, tetapi tidak mendapat sambutan yang baik. Oleh itu mereka terpaksa membatalkannya. Ini menunjukkan sikap pelajar-pelajar yang tidak mahu menggunakan peluang tersebut.

Kemudahan biasiswa didapati oleh hampir semua pelajar. Biasiswa dari Yayasan Terengganu dan juga badan-badan Kerajaan diberikan kepada pelajar dan terpulang kepada pelajar-pelajar untuk menggunakan wang tersebut dengan bijak dan cermat.

Skim buku-buku pinjaman didapati oleh semua pelajar. Buku-buku teks merupakan pinjaman dari kerajaan dan ini menyenangkan ibubapa dari segi perbelanjaan sekolah anak-anak mereka.

University of Malaya

Bagi pelajar-pelajar yang tinggal berjauhan pula, kemudahan bas tidak didapati dan ini menyebabkan banyak masa terbuang untuk berulang-alik dari rumah ke sekolah. Oleh itu hanya sedikit masa sahaja tinggal untuk mereka mengulangkaji pelajaran dan membuat kerja rumah.

## 2.6.5 BILANGAN PELAJAR, KELAS GURU DAN KAKITANGAN LAIN

Jumlah pelajar yang terdapat di sekolah ini adalah 603 pelajar iaitu 345 pelajar lelaki dan 258 pelajar perempuan. Jumlah kelas-kelas yang terdapat di sekolah ini adalah 17 buah dan di setiap kelas terdapat 30-40 pelajar.

Bilangan kelas-kelas yang terdapat didatakan dibawah ini :-

**JADUAL 2 : 6**

**BILANGAN KELAS**

| TINGKATAN | JUMLAH KELAS |
|---|---|
| 5 | 2 |
| 4 | 2 |
| 3 | 5 |
| 2 | 4 |
| 1 | 4 |
| | 17 |

**Sumber : Rekod Sekolah**

University of Malaya

Kakitangan lain yang terdapat di sekolah ini ialah seperti pembantu makmal, tukang sapu, Kerani dan tukang kebun. Data di bawah menunjukkan bilangan dan pekerjaan mereka.

**JADUAL 2 : 7**

**KAKITANGAN SEKOLAH (TIDAK TERMASUK GURU-GURU)**

| PEKERJAAN | BILANGAN |
|---|---|
| Pembantu Makmal | 2 |
| Kerani | 2 |
| Tukang Kebun | 4 |
| Jaga Sekolah | 1 |
| Tukang Sapu dan Lain-lain | 9 |
| Jumlah | 18 |

**Sumber : Rekod Sekolah**

Bilangan guru di sekolah ini pula berjumlah 29 orang. Terdapat 10 guru wanita dan 19 guru lelaki. Kebanyakan dari guru-guru sekolah ini adalah kelulusan Maktab, hanya terdapat seorang guru yang kelulusannya dari Universiti Malaya.

## 2.6.6. KESIMPULAN

Bangunan sekolah di tempat kajian adalah baru dan dalam keadaan bersih. Pihak sekolah sedang membina sebuah asrama untuk

Pelajar-pelajar yang tinggal jauh dari sekolah tersebut.

Perpustakaan di sekolah itu patut dikemaskinikan lagi dengan membanyakkan bilangan buku-buku. Tambahan pula pelajar-pelajar patut digalakkan lagi untuk menggunakan perpustakaan tersebut.

Pada amnya kemudahan-kemudahan paling asas seperti skim pinjaman buku didapati dan masih banyak lagi bidang yang boleh diikhtiarkan untuk kebaikan pelajar-pelajarnya.

University of Malaya

## PETA 3

## PETA KAMPUNG BUKIT PAYONG




1 inci = 100cm

PETA 4



UNJUK

Petempatan

hutan

**PELAN SEKOLAH**




Petunjuk




University of Malaya

BAB 3

## ANALISA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA DAN SIJIL RENDAH PEALAJARAN

### 3.1 PENGENALAN

Telah dinyatakan bahawa pelajar-pelajar luar bandar selalunya atau kebiasaannya menunjukkan pencapaian akademik yang rendah kerana beberapa faktor termasuk kemiskinan. Oleh itu pengkaji akan membuat penilaian dari keputusan peperiksaan pelajar-pelajar tingkatan 3 dan 5 iaitu Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia.

Penganalisaan tersebut dibuat dari tahun 1981 untuk Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia. Analisa dibuat berdasarkan peratus kelulusan (1981-84) dan pencapaian gred bagi setiap mata pelajaran cuma dibuat untuk tahun 1984 sahaja.

### 3.2 ANALISA KEPUTUSAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

Daripada Jadual 3 : 1 iaitu analisa keputusan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dari tahun 1981-1984 didapati bahawa kelulusan keseluruhan bagi S.P.M. yang tertinggi sekali adalah pada tahun 1983 iaitu 83% dan kelulusan terendah pula adalah pada tahun 1984 dengan kelulusan keseluruhan hanyalah 57% sahaja. Keputusannya merosot sebanyak 36%. Pada tahun 1981 kelulusannya adalah baik iaitu 72% dan merosot kembali pada tahun 1982 iaitu 60% sahaja pelajar yang lulus keseluruhannya.

Dari data juga didapati bahawa kelulusan bagi matapelajaran Bahasa Inggeris adalah terendah sekali. Pada tahun 1984 tidak ada se-

orang pelajar pun yang lulus. Jumlah yang mengambil kertas ini adalah 78 pelajar dan semuanya mendapat gred 9, menjadikan peratus kelulusan 0%.

Kelulusan Bahasa Inggeris pada tahun 1983 pula adalah 9% sahaja, lebih baik dari kelulusan 1984. Pada tahun 1982 juga peratus kelulusannya adalah 0% dan pada tahun 1981 peratus kelulusannya adalah 3% sahaja.

Dari data ini jelas menunjukkan bahawa pencapaian pelajar-pelajar dalam matapelajaran Bahasa Inggeris adalah tersangat lemah dan rendah. Ini adalah kerana kurangnya minat membaca buku-buku di dalam Bahasa Inggeris dan sikap negatif terhadap bahasa ini.

Pencapaian kedua terendah pula adalah matapelajaran Matematik. Pada tahun 1984 hanya 5% pelajar yang lulus dari jumlah 78 pelajar. Seramai 74 pelajar gagal di dalamnya. Gred terendah untuk matapelajaran ini yang dicapai pada tahun 1984 adalah 4 dan hanya seorang pelajar sahaja yang berjaya mendapatkannya. Gred seterusnya adalah 6, 7 dan 8 di mana hanya seorang murid yang lulus untuk setiap gred.

Pada tahun 1983 pula hanya 9% yang lulus dan kelulusan paling tinggi pula dicapai pada tahun 1982 iaitu 11%. Untuk tahun 1981 pula hanya 5% yang lulus dan pada tahun 1984 peratus kelulusannya adalah sama juga.

Kelulusan dalam matapelajaran Matematik ini juga sangat mendukacitakan kerana kebanyakan pelajar-pelajar tidak berusaha untuk mengulangkaji dan membuat kerja-kerja rumah.

University of Malaya

Kelulusan dalam matapelajaran Sejarah pula merupakan kelulusan yang ketiga terendah. Daripada 64 pelajar yang mengambilnya hanya 14 pelajar yang lulus iaitu 17%. Kebanyakan pelajar lulus dengan gred 7. Untuk tahun 1983 kelulusan yang dicapai adalah 59% iaitu kelulusan tertinggi bagi empat tahun itu. Pada tahun 1982 pula hanya 33% yang lulus dan pada tahun 1981 43% pelajar yang lulus iaitu pencapaian kedua tertinggi dari tahun 1981-1984. Kelulusan terendah yang dicapai adalah pada tahun 1984 iaitu hanya 17% sahaja.

Matapelajaran yang keempat terendah adalah Geografi. Pada tahun 1984 seramai 78 pelajar menduduki kertas ini dan hanya 24 pelajar yang lulus dan 54 pelajar gagal. Jadi, kelulusannya adalah hanya 30% sahaja. Kebanyakan pelajar yang lulus mendapat gred 8 iaitu 16 pelajar. 5 pelajar mendapat gred 6 dan 3 pelajar gred 7.

Kelulusan bagi matapelajaran ini pada tahun 1983 adalah 53% dan 52% bagi tahun 1982. Kelulusan tertinggi dicapai pada tahun 1981 iaitu 54%.

Peratus kelulusan bagi kertas Geografi ini adalah pada peringkat sederhana sahaja iaitu 50% tetapi pencapaiannya rendah pada tahun 1984 dengan hanya 30% pelajar yang lulus.

Seterusnya bagi matapelajaran Rampaian Sains pula 78 pelajar mengambilnya dalam tahun 1984 dan hanya 31 pelajar yang lulus. Peratus kelulusannya adalah 39% sahaja. Gred yang terbaik adalah 3 dan hanya seorang pelajar yang mendapatnya. Gred 5 juga hanya seorang pelajar

yang berjaya mendapatnya. Pelajar yang lulus dengan gred 6 berjumlah 6 orang dan untuk gred 7 pula 4 pelajar yang mendapatnya. Majoriti pelajar yang lulus itu adalah dengan gred 8 iaitu 19 pelajar.

Kelulusan paling tinggi dicapai dalam kertas ini adalah pada tahun 1981 iaitu 78% pelajar lulus dan pada tahun 1984 pula pencapaian kelulusannya adalah terendah iaitu hanya 39%. Pada tahun 1983 pula peratus kelulusannya adalah 56% dan 43% pada tahun 1982. Peratus kelulusan dalam matapelajaran Rampaian Sains ini menunjukkan peratus pencapaian yang semakin merosot. Perbezaan peratus kelulusan antara tahun 1981 dan 1984 adalah 39% iaitu kemerosotan pencapaiannya.

Matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam pula menunjukkan pencapaian yang sederhana oleh pelajar-pelajar. Dari jumlah 78 orang pelajar hanya 24 pelajar yang gagal menjadikan peratus kelulusan 69%. Walaupun begitu kebanyakan pelajar yang lulus hanya mendapat gred yang paling minima iaitu 8 di mana 20 pelajar mendapatnya, iaitu hampir setengah dari jumlah pelajar yang lulus. 13 pelajar lain mendapat gred 7 dan 8 pelajar mendapat gred 6. Hanya seorang pelajar yang lulus dengan gred 1.

Peratus kelulusan paling tinggi untuk mata pelajaran ini adalah pada tahun 1983 di mana 89% pelajar yang lulus. Untuk tahun 1982 pula kelulusannya adalah 83% dan 84% untuk tahun 1981. Peratus kelulusan dalam mata pelajaran Ugama Islam ini juga menunjukkan kelulusan yang semakin merosot. Perbezaan kemerosotannya untuk tahun 1983 dan 1984 adalah 20%.

Matapelajaran Bahasa Malaysia menunjukkan peratus kelulusan keseluruhan yang baik pada tahun 1984 seramai 77 pelajar menduduki kertas ini dan seorang pelajar sahaja yang gagal. Peratus kelulusannya adalah 98%. Walaupun peratus kelulusan kertas ini adalah tinggi pelajar-pelajarnya lulus dengan gred yang paling minima. Seramai 29 pelajar mendapat gred 7 dan 22 pelajar gred 6. Hanya seorang pelajar yang mendapat gred terbaik iaitu 1.

Peratus kelulusan bagi matapelajaran Bahasa Malaysia ini adalah dalam lingkungan 90% bagi setiap tahun. Peratus terendah yang dicapai adalah 94% pada tahun 1984.

Akhir sekali matapelajaran Lukisan di mana tiada pelajar yang gagal. Kelulusan yang dicapai setiap tahun adalah 100%. Gred terbaik adalah 2 iaitu seramai 8 pelajar dan gred 3 seramai 27 pelajar mendapatnya iaitu bilangan teramai sekali. Matapelajaran ini adalah matapelajaran yang mendapat kelulusan 100% setiap tahun dari 1981-1984 dan menunjukkan kelulusan tertinggi antara semua matapelajaran SPM.

## 3.3 PENCAPAIAN AGREGIT

Pada tahun 1982 agregit terbaik yang didapati oleh pelajar sekolah ini adalah 26. 2 pelajar sahaja yang mendapat keputusan ini.

Bagi tahun 1983 pula agregit terbaik adalah 21, 23 dan 24. Hanya seorang pelajar yang berjaya mendapat setiap satu agregit.

University of Malaya

Bagi tahun 1984 pula agregit terbaik yang dicapai adalah 21, 23 dan 24 juga dan hanya seorang pelajar mendapat setiap satu.

Untuk lebih jelas pengkaji datakan keputusan tersebut dibawah:-

JADUAL 3 : 2

PENCAPAIAN AGREGIT TERBAIK

| Pencapaian Agregit Terbaik | Jumlah Pelajar | Tahun |
|---|---|---|
| 26 | 2 | 1982 |
| 21 | 1 | 1983 |
| 23 | 1 | 1983 |
| 24 | 1 | 1983 |
| 21 | 1 | 1984 |
| 23 | 1 | 1984 |
| 24 | 1 | 1984 |

**Sumber : Rekod Sekolah**

## 3.4 KESIMPULAN

Dari data keputusan SPM pengkaji mendapati bahawa walaupun bagi beberapa matapelajaran kelulusannya adalah tinggi tetapi kualiti kelulusan tersebut adalah rendah; bermakna gred yang didapati untuk matapelajaran tersebut adalah yang paling minima seperti gred 7 dan 8. Contohnya bagi kertas Bahasa Malaysia dan Ugama di mana hampir 60%

University of Malaya

pelajar lulus dengan gred 7 ataupun 8. Jarang sekali terdapat pelajar yang mendapat gred 1, 2 ataupun 3. Pencapaian peratus yang lulus dalam Bahasa Inggeris dan Matematik adalah terendah sekali diikuti oleh Sejarah dan Rampaian Sains. Pelajar-pelajar menunjukkan kelemahan yang ketara di dalam matapelajaran yang penting seperti Sains dan Matematik.

Peratus kelulusan bagi kebanyakan matapelajaran juga semakin menurun seperti matapelajaran Agama Islam iaitu 89% bagi tahun 1983 ke 69% bagi tahun 1984. Keputusan matapelajaran Sejarah juga merosot dari tahun 1981 hingga 1984. Kemerosotannya amat ketara bagi tahun 1983 dan 1984 iaitu sebanyak 42%. Geografi dan Rampaian Sains juga merosot keputusannya antara 1983 dan 1984 iaitu lebih kurang 18%. Matapelajaran Lukisan merupakan matapelajaran terbaik dan tiada masalah kegagalan.

Pencapaian agregit bagi pelajar-pelajar sekolah ini juga adalah rendah. Agregitnya walaupun untuk gred satu tetapi melebehi 20 iaitu gred satu yang lemah. Untuk setiap tahun hanya seorang atau 2 pelajar yang mendapat gred satu.

Dari data-data keputusan peperiksaan SPM ini boleh dikatakan bahawa pencapaian dan kelulusan pelajar-pelajar sekolah ini masih lemah dan rendah dan tidak boleh dibanggakan.

## 3.5 ANALISA KEPUTUSAN SIJIL RENDAH PELAJARAN (SRP).

Dari data analisa peperiksaan S.R.P. keputusan keseluruhan kelulusan pelajar-pelajar pada tahun 1981 adalah yang tertinggi sekali iaitu 60%. Pada tahun 1982 ia merosot sebanyak satu peratus sahaja dan tahun 1983

keputusan keseluruhannya adalah 52% sahaja. Ini menunjukkan keputusan yang semakin merosot.

Pencapaian terendah pelajar-pelajar adalah di dalam matapelajaran Bahasa Inggeris. Peratus kelulusan bagi tahun 1984 adalah hanya 13% dari jumlah 182 pelajar; bermakna hanya 24 pelajar yang lulus. Hanya seorang pelajar yang mendapat gred 5, 4 pelajar mendapat gred 7 dan bilangan teramai sekali mendapat gred 8 iaitu 19 pelajar.

Kelulusan bagi kertas ini pada tahun 1983 pula adalah 38% iaitu kelulusan tertinggi yang dicapai sejak tahun 1981. Pada tahun 1982 pula kelulusannya hanyalah 21% dan pada tahun 1981 kelulusannya adalah yang terendah sekali dengan hanya 9.3% sahaja.

Kelulusan dalam matapelajaran ini walaupun adalah lemah dan rendah ia telah menunjukkan sedikit kemajuan dan kemudian merosot semula pada tahun 1984. Pencapaian sebanyak 12% bertambah dari tahun 1981 ke 1982 dan bertambah lagi 17% bagi tahun 1983 tetapi merosot dengan banyaknya pada tahun 1984 di mana hanya 13% pelajar sahaja yang lulus. Kemerosotan ini adalah sebanyak 25%. Ini menunjukkan pencapaian semakin rendah dan lemah untuk kertas ini.

Matapelajaran kedua yang mempunyai pencapaian rendah adalah Pengetahuan Agama Islam di mana daripada 85 pelajar yang mendudukinya hanya 21 pelajar sahaja yang lulus (25%). Daripada jumlah lulus ini 17 pelajar mendapat gred 8 dan hanya seorang pelajar mendapat gred 4 dan seorang lagi gred 5. Gred ini merupakan gred terbaik yang diperolehi.

Kemerosotan pencapaian dalam kertas ini juga dapat dilihat dari data. Pada tahun 1981 peratus yang lulus adalah 79% tetapi 41% sahaja yang lulus pada tahun 1982. Kemerosotannya adalah sebanyak 38%, tetapi kemajuan dapat dilihat dari tahun 1982 dan 1983 di mana peratus kelulusan bertambah sebanyak 14%. Pencapaian kelulusan paling rendah adalah pada tahun 1984 di mana hanya 25% pelajar yang lulus.

Matapelajaran ketiga lemah adalah Matematik Moden di mana 59% pelajar lulus daripada 182 pelajar. Kebanyakan pelajar-pelajar ini lulus dengan gred 8 iaitu 70 pelajar dan 24 pelajar dengan gred 7. Gred 1 dan 2 didapati oleh seorang pelajar setiap satu gred dan 3 pelajar mendapat gred 3.

Peratus kelulusan yang tertinggi bagi kertas ini didapati pada tahun 1982 di mana 75% daripada pelajar-pelajar yang mengambil ini lulus. Pada tahun 1981 kelulusannya adalah 63% dan peratus kelulusan yang terendah adalah pada tahun 1984. Ini menunjukkan kelulusan bagi matapelajaran Matematik Moden ini semakin merosot iaitu lebih kurang 5-6% kemerosotannya.

Seterusnya adalah matapelajaran Geografi. Bagi tahun 1984 peratus kelulusannya adalah 58%. Gred 8 merupakan gred yang didapati oleh paling ramai pelajar iaitu 42 pelajar. Gred terbaik iaitu 2 didapati oleh seorang pelajar sahaja dan 5 pelajar mendapat gred 3. 27 pelajar memperolehi gred 7.

University of Malaya

Bagi tahun 1981 peratus kelulusan bagi matapelajaran ini adalah 55% dan bertambah pada tahun 1982 ke 62% iaitu sebanyak 7%. Kelulusan ini bertambah pada tahun 1983 juga 7% menjadikan kelulusannya 69%, tetapi bagi tahun 1984 ia merosot kembali ke 58%.

Matapelajaran Sejarah menunjukkan pencapaian yang sederhana dengan kelulusan sebanyak 61% pada tahun 1984. Gred terbaik adalah 2 dan 3 pelajar sahaja yang memperolehinya. Gred 3 pula didapati oleh 5 pelajar. Gred yang didapati oleh kebanyakan pelajar adalah 8 iaitu 52 pelajar dan 30 pelajar lagi mendapat gred 7.

Kelulusan bagi matapelajaran ini adalah sederhana pada setiap tahun iaitu 60% sahaja. Pada tahun 1981 peratus kelulusannya adalah 62% sama dengan kelulusan bagi tahun 1982. Peratus kelulusan tertinggi adalah pada tahun 1983 iaitu 64% dan mula menurun pada tahun 1984 kepada 61% iaitu kemerosotan sebanyak 3%.

Sains Panduan menunjukkan pencapaian yang baik dengan kelulusan sebanyak 72% pada tahun 1984. Gred terbanyak sekali adalah gred 8 di mana 52 pelajar memperolehinya dan gred 7 dengan 37 pelajar, 8 pelajar mendapat gred 3.

Kelulusan yang tinggi didapati pada tahun 1983 iaitu 81% dan kelulusan terendah adalah pada tahun 1981 iaitu 65% sahaja. Dari peratus kelulusan tersebut dapat dilihat bahawa kelulusannya maju kemudian me-rosot kembali.

University of Malaya

Matapelajaran Seni Perusahaan juga menunjukkan pencapaian yang baik di mana 78% pelajar lulus pada tahun 1984. Hanya seorang pelajar yang mendapat gred terbaik iaitu 2 dan 2 pelajar lain mendapat gred 3. Bilangan pelajar yang lulus itu kebanyakannya mendapat gred 8 iaitu 15 pelajar.

Peratus kelulusan bagi matapelajaran ini setiap tahun adalah tinggi iaitu di antara 60 - 70 peratus. Kelulusan tertinggi yang dicapai adalah pada tahun 1983 iaitu 79% dan terendah pada tahun 1981 dengan kelulusan 60%. Kelulusan ini merosot 1% dari tahun 1983 ke 1984.

Dalam matapelajaran Sains Rumahtangga pula kelulusan tertinggi adalah pada tahun 1984 dengan peratus kelulusan 80% iaitu kelulusan tertinggi sekali di antara empat tahun itu. Pencapaian terendah adalah pada tahun 1981 dengan kelulusan 59% sahaja. Seramai 90 pelajar mengambil kertas ini dan 17 pelajar gagal.

Gred yang paling banyak diperolehi 6 dan 7 iaitu 14 pelajar bagi tiap satu gred. Gred 8 pula diterima oleh 33 pelajar. Seorang pelajar mendapat gred 2 dan 2 pelajar mendapat gred 3.

Matapelajaran ketiga terbaik adalah Bahasa Malaysia. Kelulusan bagi tahun 1984 adalah 87% dan jumlah pelajar yang mengambil kertas ini adalah 182. 22 pelajar gagal dan 6 pelajar tidak hadir. Peratus kelulusan bagi kertas ini adalah konstant setiap tahun iaitu dalam lingkungan 80%, bagaimanapun kelulusan tertinggi adalah pada tahun 1984. 2 orang pelajar mendapat gred 2 dan 55 orang mendapat gred 7, 31 pelajar lagi mendapat

gred 8.

Sains Pertanian merupakan matapelajaran kedua tertinggi tahap pencapaiannya iaitu kelulusan bagi tahun 1984 adalah 94%. Bilangan pelajar yang mengambil kertas ini adalah 41 pelajar sahaja. Kelulusan bagi tahun-tahun sebelumnya adalah di antara 70 - 80%. Gred terbaik adalah gred 3 hanya 2 pelajar berjaya mendapatkannya dan 5 pelajar mendapat gred 5 manakala 13 pelajar mendapat gred 7.

Matapelajaran yang mempunyai kelulusan tertinggi adalah matapelajaran Lukisan. Pada tahun 1981 peratus kelulusan adalah 100% dan kelulusan terendah ialah pada tahun 1982 iaitu 74%. Seramai 92 pelajar mengambil kertas ini dan hanya seorang yang gagal dan 5 pelajar tidak hadir.

Gred yang terbaik adalah 1. 2 orang pelajar mendapat gred ini. Gred 2 pula didapati oleh 6 pelajar dan 18 pelajar mendapat gred 3. Gred yang teramai sekali adalah gred 7 iaitu 28 pelajar.

## 3.6 KESIMPULAN

Dari analisa tadi, boleh dilihat bahawa keputusan pencapaian pelajar-pelajar di dalam Sijil Rendah Pelajaran walaupun bagi setengah matapelajaran adalah tinggi tetapi kelulusannya adalah dengan gred-gred yang lemah.

Kebanyakan dari pelajar-pelajar ini adalah lemah di dalam matapelajaran yang penting seperti Matematik Moden, Sains Paduan, Bahasa

University of Malaya

Inggeris dan juga Pengetahuan Agama Islam.

Walaupun kelulusan bagi Sains Paduan adalah baik iaitu 72% tetapi 30% daripada jumlah pelajaranya mendapat gred 8 dan 21% pelajar mendapat gred 7. Ini adalah kelulusan yang paling minima.

Matapelajaran Bahasa Malaysia juga kelulusannya adalah tinggi tetapi majoriti pelajarnya lulus dengan gred yang rendah iaitu 7 dan 8. Bilangan pelajar yang lulus dengan gred 7 ialah 55 pelajar. Pengetahuan Ugama Islam juga sangat lemah kelulusannya. Dari jumlah 85 pelajar yang mengambilnya hanya 21 pelajar yang lulus dan 17 daripada pelajar yang lulus mendapat gred 8. Ini menunjukkan kelemahan pencapaian pelajar-pelajar.

Secara keseluruhannya jarang sekali pelajar-pelajar mendapat 'distinction iaitu gred 1 atau 2. Dari data hanya seorang pelajar yang mendapat gred 1 untuk Matematik Moden dan 2 pelajar untuk matapelajaran Lukisan. Tidak terdapat pelajar-pelajar yang 'outstanding' atau yang lulus dengan keputusan cemerlang. Kelemahan pencapaian pelajar-pelajar di dalam bidang akademik mereka adalah kerana kombinasi beberapa faktor sosial dan ekonomi yang akan dibincangkan di dalam bab seterusnya.

# BAB 4

# FAKTOR-FAKTOR SOSIAL DAN EKONOMI YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR-PELAJAR

## 4.1 PENGENALAN

Pengkaji akan bahagikan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar di dalam bidang akademik kepada faktor-faktor sosial dan ekonomi.

## 4.2 FAKTOR-FAKTOR SOSIAL

### a) PERANAN GURU/JANGKAAN GURU

Dalam dunia sosial kanak-kanak, guru dianggap penting bagi memupuk dorongan dan cita-cita murid. Kanak-kanak menghabiskan masa mereka yang banyak di sekolah. Sewaktu di sekolah mereka adalah di bawah pengawasan guru yang melambangkan sumber ilmu pengetahuan.

Oleh kerana guru menduduki tempat yang teristimewa dalam kehidupan sosial kanak-kanak, apa sahaja yang dilakukan oleh guru boleh mempengaruhi sikap kanak-kanak. Kanak-kanak akan berbincang dan menilai guru mereka di antara mereka sendiri dan bagaimana kanak-kanak itu menilai gurunya boleh mempengaruhi sikapnya terhadap persekolahan.

Jika guru berharap mereka belajar dengan baik, kenyataan bahawa ia akan kekal di sekolah adalah besar. Tetapi sekiranya kanak-kanak merasa bahawa gurunya tidak memberi perhatian terhadap keboleh-

annya, maka besar kemungkinan murid tersebut akan cicir dari sekolah.

David dan Lang (Childrens Perceptions of their Teachers', 1960 : 107-118) pernah membuat satu kajian 'interactional perspective' di mana mereka mendapati jika seseorang guru mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap murid-murid mereka dan kenyataan ini diketahui pula oleh muridnya ditambah pula dengan guru-guru yang mempunyai 'perasaan terhadap mereka', ini secara tidak langsung, membuat murid-murid mempunyai 'self confidence' dan pencapaian yang lebih tinggi dalam pelajaran mereka. Biasanya mereka juga akan menunjukkan perlakuan yang baik seperti yang diharapkan oleh guru mereka.

Rosenthal dan Jacabson (Pygmalion in the classroom, 1968) juga telah membuat satu kajian dan didapati bahawa jangkaan guru terhadap pelajar-pelajar mempunyai 'significant influence' dalam pencapaian akademik. Pengkaji-pengkaji itu telah memberikan beberapa nama murid-murid yang dipilih secara random kepada guru mereka yang diharapkan akan meninggikkan pencapaian dan mendapat keputusan cemerlang dalam pelajaran mereka. Selepas satu tahun bila dikaji didapati bahawa pelajar-pelajar ini telah mencapai tahap yang sangat cemerlang di dalam bidang akademik dan I.Q[1] mereka berbanding dengan pelajar-pelajar yang tidak dipilih.

Dari kajian mereka disimpulkan bahawa 'self-fulfilling prophecy memainkan peranan penting untuk pelajar-pelajar ini. Cara ini sangat

---

[1] IQ adalah kecerdasan otak atau Intelligence Quotation

penting untuk pelajar-pelajar kerana ia adalah teknik untuk memajukan dan menarik minat pelajar-pelajar dalam pendidikan. Tidak dapat dinafikan bahawa ia sangat-sangat penting terutama sekali bagi pelajar-pelajar dari status yang rendah dan miskin.

Oleh itu peranan guru sangat penting di dalam kehidupan pelajar-pelajar. Pendapat, sikap, nilai persepsi dan perlakuan mereka akan mempengaruhi perbuatan dan pembinaan konsep kendiri kanak-kanak. Ini seterusnya akan mempunyai pengaruh ke atas motivasi dan pencapaian mereka dalam apa-apa bidang sekali pun.

Sesebuah kelas yang mempunyai guru-guru yang berminat dan bermotivasi akan mempunyai kesan ke atas pelajar tersebut walaupun ia dari keluarga yang mempunyai latarbelakang sosio-ekonomi yang rendah atau tinggi. Guru mestilah menjadi suatu lambang 'kejayaan' sebab seorang guru juga menjadi dan memberi dorongan dan sokongan (support).

Satu kajian penting oleh T. Marimuthu (The Influence of Home Background on the Education Carrers and Aspirations of Tamil Youths in Peninsular Malaysia 1975 : 75) yang mendapati bahawa pelajar-pelajar yang diberi dorongan yang tinggi oleh guru mereka biasanya akan berada di sekolah lebih lama daripada pelajar-pelajar yang tidak diberi dorongan ini. Daripada 35% keciciran yang berlaku hanya 13% yang didapati mempunyai persepsi atau pandangan yang baik dan tinggi terhadap guru mereka. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang punya persepsi tinggi terhadap guru mereka akan tinggal di sekolah

University of Malaya

lebih lama daripada pelajar yang tidak menerima jangkaan ini.

Daripada ini pengkaji mendapati bahawa pelajar-pelajar di sekolah kajiannya tidak menerima jangkaan atau persepsi yang tinggi dari guru mereka. Daripada temubual pengkaji dengan guru-guru dan Guru Besarnya didapati mereka mempunyai sikap yang sangat negatif terhadap pelajar-pelajar tersebut. Pelajar-pelajar ini tidak menerima dorongan tinggi dan pencapaian yang rendah dalam pelajaran seterusnya telah dikaji dan didapati mereka lemah kerana disebabkan oleh beberapa kombinasi faktor-faktor lain.

Dari pertemuan-pertemuan yang dilakukan ada guru yang membuat kenyataan mengenai kelemahan pelajar-pelajar ini bahawa pelajar-pelajar ini kurang daya imaginasi terhadap pelajaran yang diajar serta tidak mempunyai pengetahuan asas yang kukuh.

Guru-guru ini telah menyatakan bahawa mereka merasa 'frusterated kerana pelajar-pelajar tersebut tidak berkerjasama atau bertindak-balas dengan mereka atas usaha-usaha mereka untuk membaiki taraf pencapaian pelajar-pelajar itu dalam pelajaran. Oleh itu lama kelamaan mereka hanya dibiarkan sahaja untuk mengikuti pelajaran mengikut pergerakan mereka sendiri.

b) SIKAP IBUBAPA (Insentif untuk belajar)

PENDAHULUAN

Adalah satu kenyataan bahawa dorongan ibubapa dan minat mereka dalam pelajaran anak-anaknya adalah stimulasi yang paling

penting sejak kanak-kanak lagi. tidak kurang penting juga untuk mereka memperolehi satu contoh dari abang atau kakak yang telah mencapai tahap akademik yang tinggi untuk memberikan suatu persekitaran akademik di rumah. Pengkaji akan melihat sejauhmanakah ini wujud di kalangan rumah pelajar-pelajar ini.

JADUAL 4 : 1

PENCAPAIAN PELAJARAN IBUBAPA

| TAHAP PELAJARAN | JUMLAH | PERATUS |
|---|---|---|
| BUTA HURUF | 23 | 46% |
| SEK. ARAB/AGAMA | 2 | 4% |
| SEK. RENDAH | | |
| Darjah 6 | 11 | 22% |
| Darjah 3 | 10 | 20% |
| SEK. MENENGAH | | |
| Tingkatan 5 | 1 | 2% |
| Tingkatan 3 | 3 | 6% |
| | 50 | 100% |

Daripada data boleh dilihat bahawa hampir 46% ibubapa pelajar-pelajar adalah buta huruf. Hanya seorang sahaja daripada ibubapa pelajar yang mempunyai kelulusan tingkatan lima tetapi beliau pula hanya bekerja sebagai jaga sekolah kerana tidak mahu berhijrah untuk mencari pekerjaan.

University of Malaya

Daripada data boleh disoalkan sejauhmanakah boleh terbitnya minat ibu-bapa dalam pelajaran anak-anak mereka? Untuk maklumat lanjut pengkaji telah membuat satu tinjauan mengenai minat dan sejauhmanakah adanya keyakinan terhadap anak-anak mereka dalam bidang akademik.

50 responden itu telah disoal 'sejauhmanakah harapan anda dalam pencapaian pelajaran anak anda'? Jawapan mereka didatakan di bawah:-

JADUAL 4 : 2

HARAPAN IBUBAPA DALAM PENCAPAIAN PELAJARAN ANAK-ANAK

| PERINGKAT PELAJARAN | JUMLAH | PERATUS |
|---|---|---|
| Universiti | 19 | 38 |
| Tidak tahu | 23 | 46 |
| Ikut suka anak | 6 | 12 |
| Anak tidak sekolah | 2 | 4 |
| | 50 | 100 |

Daripada data, 38% daripada responden hendakkan anak mereka ke Universiti dan paling ramai ibubapa menjawat tidak tahu iaitu 46%. Ibubapa dalam kategori ini tidak tahu-menahu langsung mengenai pelajaran anak mereka dan tidak mempunyai perancangan untuk masa depan mereka. Ada juga ibubapa yang mengatakan jika anaknya ingin belajar eloklah ia belajar jika tidak bertanilah jawabnya.

Ibubapa yang ingin anak mereka belajar sampai ke Universiti pula, daripada temubual didapati mereka tidak mempunyai pengetahuan langsung mengenai keperluannya seperti berapa tahun persekolahan yang perlu ada sebelum seseorang boleh masuk ke Universiti. Mereka mempuny-

ai pengetahuan yang amat sedikit mengenainya tetapi mereka tahu bahawa Universiti adalah satu mercu kejayaan dan mempunyai kehormatan yang amat tinggi. Daripada perbincangan memang jelas mereka tidak mempunyai perancangan akademik untuk anak-anak mereka mungkin kerana masalah kemiskinan dan lain-lain yang berpunca darinya.

Ibubapa yang mengatakan ikut suka anak mereka jika hendak belajar adalah 12%. Ibubapa ini tidak memaksa atau mendorong anak mereka untuk belajar. Persekolahan hanyalah sebagai satu 'routine' bagi anak mereka.

Jadi, ibubapa yang tidak mempunyai latarbelakang pendidikan ini tidak dapat memberi dorongan dan penekanan yang maksima kepada anak mereka. Dari ini pengkaji dapat rumuskan bahawa ibubapa ini merasa bahawa pendidikan atau akademik adalah hanya bergantung kepada anak mereka sendiri dan ia adalah di luar kemampuan mereka untuk mempengaruhi mereka dan sebagainya.

Apa yang tidak wujud di rumah pelajar-pelajar ini juga ialah satu contoh kejayaan abang atau kakak mereka. Ada beberapa kes di sini di mana anak perempuan yang berjaya masuki tingkatan lima dan enam, mereka dikahwinkan kerana ibubapa pelajar ini merasa adalah sangat tidak sopan jika ditolak peminangan itu, apa lagi jika peminangan tersebut dibuat oleh sahabat-karib atau saudara-mara. Jadi ibubapa mempunyai sikap yang negatif terhadap akademik dan perkara seperti perkahwinan dipentingkan.

Pengkaji juga mendapati perkahwinan gadis-gadis di kampung ini berlaku dengan cepat antara 15 hingga 18 tahun semestinya mereka akan dikahwinkan.

Melihat keadaan yang sangat mendukacitakan dan tiada dorongan ini maka adalah tidak hairan jikalau pelajar atau anak-anak di kampung ini mempunyai tahap pelajaran yang rendah, kerana keadaan di kampung tidak memberikan apa-apa insentif kepada mereka untuk belajar.

Dari temubual dengan guru-guru sekolah mereka mengatakan bahawa ada ibubapa yang hanya menghantarkan anak mereka ke sekolah semata-mata kerana mereka bising dan tiada orang untuk menjaga mereka di rumah semasa ibubapa keluar bekerja. Kebanyakan dari ibubapa pelajar tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan pelajaran.

Terdapat tiga keluarga di sini yang mempunyai anak cacat dan mereka tidak dihantar ke sekolah-sekolah khas. Kanak-kanak ini tidak melakukan apa-apa hanya duduk sahaja di rumah. Ibubapa mereka tidak mampu mendapatkan rawatan profesyenal dan ini menyebabkan keadaan lebih buruk kerana kurangnya orang yang bekerja untuk mendapatkan pendapatan keluarga tetapi bertambah pula orang yang perlu ditanggung oleh ketua keluarga.

Ada juga guru yang pergi ke rumah pelajar-pelajar itu sendiri untuk melihat dan memberi tunjuk ajar yang lebih khusus dan peribadi. Dari pengalaman guru, ibubapa mereka tidak mengambil kisah dan memberi alasan bahawa itu terpulang kepada anak mereka sendiri

untuk belajar atau tidak mahu belajar. Sifat fatalisma yang terdapat pada mereka adalah sangat susah untuk ditembusi oleh guru-guru ini. Keadaan kemiskinan yang teruk menyebabkan mereka hilang segala harapan; dalam bidang pelajaran untuk anak-anak mereka sekali pun.

JADUAL 4 : 3

BIDANG PELAJARAN YANG DIINGINI OLEH IBUBAPA UNTUK ANAK MEREKA

| BIDANG PELAJARAN | JUMLAH | PERATUS |
|---|---|---|
| Pelajaran Ugama | 10 | 20 |
| Pelajaran Sains | 5 | 10 |
| Pelajaran Kemanusiaan | 2 | 4 |
| Tidak tahu | 33 | 66 |
| | 50 | 100 |

Daripada data pengkaji dapat rumuskan bahawa 66% daripada ibubapa tidak tahu mengenai bidang pelajaran yang mereka ingini untuk anak-anak mereka, mereka tidak mempunyai pengetahuan yang minima sekalipun dalam aspek pelajaran. Seramai 20% daripada ibubapa pula hendakkan anak mereka supaya lanjutkan pelajaran dalam bidang ugama kerana mereka rasa aspek ugama dapat jaminkan hidup anak mereka supaya tidak keluar dari jalan benar. Ini adalah alasan ibubapa pelajar tersebut.

Seramai 10% ibubapa pula hendakkan anaknya supaya lanjutkan pelajaran dalam bidang sains dan menjadi orang berjaya seperti doktor.

University of Malaya

Ibubapa ini walaupun mempunyai cita-cita demikian tetapi mereka tidak faham sepenuhnya keperluan dalam bidang sains.

Seramai 4% ibubapa memilih bidang kemanusiaan tetapi mereka tidak mengetahui atau mempunyai apa-apa ide mengenai latarbelakang bidang kemanusiaan itu.

Amnya pengkaji mendapati ibubapa ini hanya memilih sahaja tanpa mengetahui bidang pelajaran itu sebenarnya kerana mereka tidak ada pengetahuan yang cukup mengenainya.

4.2.1 PERSEKITARAN KAMPUNG

a) PENDUDUK KAMPUNG

Penduduk kampung ini boleh dikatakan sebagai kurang terpelajar dan juga boleh dikatakan mereka mempunyai sikap sudah berpuas hati dengan apa yang ada dan tidak mahu berusaha lebih untuk mengubah corak hidup mereka. Ada ibubapa yang masih belum mempunyai pekerjaan yang tetap dan hanya bekerja mengambil upah sahaja dan mempunyai pendapatan amat sedikit. Secara tidak langsung ini tentunya mempengaruhi masa hadapan anak-anak mereka dari segi membesarkan mereka dengan sempurna terutama sekali pendidikan yang memerlukan buku, wang, yuran dan sebagainya.

Dari kajian didapati lebih dari 46% ibubapa adalah buta huruf dan dari temubual pengkaji dapati mereka mempunyai sifat yang sangat negatif terhadap masa depan hidup mereka dan anak-anak mereka juga.

b) SUMBER-SUMBER PELAJARAN DI KAMPUNG

Di bandar-bandar bantuan untuk pendidikan atau buku-buku rujukan dan sebagainya banyak terdapat. Seorang pelajar di kawasan bandar akan mempunyai banyak buku, majallah dan audio-visual untuk mempelajari dan meluaskan pengetahuannya. Persekelilingan yang mengujudkan 'literacy' ini secara tidak langsung tentunya memberikan pelajar-pelajar galakan untuk belajar. Seorang pelajar bandar mempunyai suratkhabar dan juga televisyen untuk menambahkan pengetahuan dan juga mungkin perbendaharaan kata mereka.

Sebaliknya di kampung, pengkaji perhatikan bahawa tidak ada langsung bantuan-bantuan lain seperti buku-buku rujukan, majallah dan lain-lain sumber pelajaran untuk pelajar di sini. Hanya terdapat suratkhabar yang dijual di kedai runcit tetapi suratkhabar ini pula hanya dibeli oleh dua atau tiga keluarga sahaja iaitu guru sekolah dan Ketua Kampung (Tok Gawa).

Keadaan di bandar yang begitu berorientasikan pencapaian kejayaan tidak boleh dinafikan dan oleh itu ibubapa juga selalunya mendorong atau memperingatkan anak-anak mereka supaya belajar bersungguh-sungguh dan mereka selalu dibandingkan dengan kejayaan-kejayaan orang lain. Tidak hairan juga jika mereka dibandingkan dengan pekerja-pekerja bawahan supaya tidak menjadi begitu. Dengan persekelilingan begini dan hidup yang begitu materialistik, mahu tidak mahu ibubapa tentunya memberi dorongan yang sangat efektif supaya anak-anak mereka berjaya di dalam persekolahan mereka. Semua ini memberi satu insentif kepada

pelajar-pelajar di bandar untuk terus berjaya dalam bidang akademik mereka. Jadi sejauh manakah ini wujud di kampung tersebut?

Pengkaji membuat pemerhatian di beberapa buah rumah pelajar-pelajar, melihat buku-buku mereka dan didapati mereka tidak ada bantuan pelajaran lain seperti majallah atau buku-buku rujukan lain hanya buku teks sekolah sahaja yang ada.

Jarang sekali penuntut yang membaca suratkhabar. Daripada 50 pelajar yang disoal lebih kurang 10 pelajar sahaja yang membaca suratkhabar itu pun kadang-kadang sahaja. Angkanya adalah sama juga dengan pembacaan majallah-majallah. Apabila ditanya apakah majallah yang mereka suka baca, hampir 100% dari pelajar-pelajar ini mengatakan majallah Gila-Gila, Varia Pop dan URTV yang dibeli dari pekan terdekat iaitu Jertih lebih kurang 13 batu jauhnya.

Ini menunjukkan betapa kurangnya minat dan pendedahan kepada majallah dan buku-buku yang berkait dengan akademik, keadaan sekeliling yang lebih luas dan pengetahuan am.

Walaupun lebih kurang 50% daripada rumah pelajar ini mempunyai televisyen dan radio ia tidak banyak dipergunakan kerana siaran televisyennya tidak jelas dan lebih dari 90% pelajar selalunya hanya menonton rancangan-rancangan hiburan seperti Tekaria dan Tayangan Gambar Melayu.

Pelajar-pelajar ini juga tidak mempunyai sifat bertanding antara satu sama lain, kerana kurangnya orang yang berjaya di antara

mereka. Walaupun pencapaian tertinggi di kampung ini adalah tingkatan enam tetapi beliau dikahwinkan maka hilanglah sumber inspirasi mereka. Akhirnya mereka hanya berulang-alik ke sekolah tanpa tujuan tertentu. Ini ditambah pula dengan keadaan kampung yang sungguh 'dingin' atau membosankan itu. Keadaannya yang sunyi dan statik tidak memberikan insentif yang cukup kepada pelajar-pelajar.

## 4.2.2 SIKAP MURID-MURID

Daripada temubual pengkaji dengan guru-guru sekolah, apabila disoal mengenai sikap pelajar terhadap pendidikan mereka, guru-guru ini menyatakan bahawa pelajar-pelajar ini adalah sebenarnya malas. Mereka kurang mempunyai sikap tanggungjawab terhadap mata pelajaran mereka dan juga kerja-kerja rumah yang diberikan oleh guru.

Hanya di dalam kelas tingkatan 3A dan 5A pelajarnya ada membuat kerja rumah itupun bukan semuanya hanya 50% yang cuba membuat. Tetapi kelas-kelas lain yang berikutnya pelajar-pelajarnya tidak langsung membuat kerja rumah dan apabila gurunya menanya kenapa tidak dibuat kerja rumah mereka hanya menjawab dengan selamba 'malas cikgu, tidak pandai buat'.

Mengikut guru tingkatan tiga masih terdapat pelajar-pelajar yang belum boleh membaca dengan lancar walaupun kelas-kelas tambahan diadakan untuk mereka. Hanya sebilangan kecil sahaja yang hadhir, kurang dari satu kelas. Oleh itu tidak banyak perubahan yang boleh dilakukan kerana sikap pelajar sendiri yang tidak mahu bekerja keras.

Mereka tidak dapat ikuti sukatan pelajaran seperti biasa kerana tidak adanya kelancaran dan 'feed-back'. Guru-guru mereka terpaksa mengajar dari tahap awal iaitu membaca. Jadi bagaimanakah boleh mereka memperbaiki diri mereka dalam pelajaran?

Walaupun sekolah ini mempunyai perpustakaan ia tidak popular di kalangan pelajar. Pertamanya perpustakaan ini tidak lengkap dengan buku-buku rujukan sepenuhnya. Pelajar juga tidak gunakan bilik perpustakaan untuk mengulangkaji pelajaran, jika menggunakannya hanyalah untuk membaca majallah dan berbual.

a) **MENGULANGKAJI PELAJARAN**

Daripada temubual dengan guru-guru sekolah juga mereka berpendapat bahawa pelajar-pelajar ini tidak mengulangkaji pelajaran mereka dengan konstant di rumah dan ada yang tidak langsung mengulangkaji pelajaran mereka. Untuk melihat perkara sebenarnya pengkaji telah temubual dengan 30 pelajar untuk melihat apakah mereka mengulangkaji pelajaran atau tidak. Seramai 30 pelajar dari tingkatan 5 dan 20 pelajar dari tingkatan 3 dipilih secara random dan disoal.

Dari data hanya 16% daripada 30 pelajar yang mengulangkaji pelajaran 1-2 jam dalam sehari. Mereka ini merupakan pelajar dari kelas yang pertama (A) sementara peratus besarnya iaitu 84% tidak mempunyai 'jadual' untuk mengulangkali pelajaran mereka. Mereka hanya belajar apabila tibanya peperiksaan atau ujian bulanan.

**JADUAL 4 : 4**

**MASA MENGULANGKAJI PELAJARAN BAGI TINGKATAN 5**

| JUMLAH JAM | JUMLAH PELAJAR | PERATUS |
|---|---|---|
| 1 - 2 jam | 5 | 16 |
| 3 - 4 jam | 0 | |
| 0 jam | 0 | |
| Belajar hanya bila ada ujian | 25 | 84 |
| | 30 | 100 |

**JUMLAH 4 : 5**

**MASA MENGULANGKAJI PELAJARAN BAGI TINGKATAN 3**

| JUMLAH JAM | JUMLAH PELAJAR | PERATUS |
|---|---|---|
| 1 - 2 jam | 6 | 30 |
| 3 - 4 jam | | |
| 0 jam | | |
| Belajar hanya bila ada ujian | 14 | 70 |
| | 20 | 100 |

University of Malaya

Perkara yang sama dapat dilihat pada pelajar-pelajar dari Tingkatan 3. Hanya 6 pelajar dari 20 pelajar iaitu 30% yang ulangkaji pelajaran 1 - 2 jam dalam sehari dan selebihnya 70% hanya belajar apabila ujian menjelang.

Alasan yang diberikan oleh pelajar-pelajar ini adalah mereka tidak faham langsung pelajaran mereka di sekolah. Setengahnya pula memang tidak mempunyai masa kerana terpaksa menolong ibubapa di ladang atau kebun.

Ada pula pelajar yang tinggal lebih dari 20 batu dari sekolah ini dan perkhidmatan bas pula tidak mempunyai masa yang tetap, bas ini akan membawa pelajar-pelajar ini terlalu awal ke sekolah pada waktu pagi iaitu pukul lima dan jika mereka mempunyai kelas tambahan dan aktiviti lain maka mereka akan balik rumah hanya pada malam hari pukul tujuh atau lapan malam.

Jadi keadaan ini membuatkan pelajar-pelajar sangat letih dan tidak ada masa untuk mengulangkaji pelajaran atau membuat kerja rumah yang diberi oleh guru.

Guru di sini juga mengatakan bahawa pelajar-pelajar ini tidak takut pada mereka dan ditambah pula sekarang ini dengan peraturan yang ketat di mana guru-guru tidak boleh memukul murid-murid.

Dari pemerhatian pengkaji juga pada malam harinya tidak ada masa yang tetap untuk budak-budak yang bersekolah untuk belajar

University of Malaya

dan mengulangkaji pelajaran sekolah. Ibubapa yang berada di rumah itu juga tidak menyuruh atau tegur anak-anaknya supaya mengulangkaji pelajaran. Mereka akan buat ikut inisiatif sendiri jika ada.

Apabila pelajar-pelajar balik dari sekolah, mereka akan salin pakaian seragam sekolah, kadang-kadang sahaja dan terus keluar rumah bermain di halaman rumah. Pelajar yang memiliki basikal pula akan bersiar-siar ke rumah kawan atau ke ladang ibubapa menolong mereka.

### 4.2.3 PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU (PIBG)

Persatuan ini secara relatifnya adalah masih baru kerana ia hanya ditubuhkan dua tahun yang lepas. Walaupun keahliannya menggalakkan mengikut guru[1] yang bertanggungjawab mengenai PIBG ini tetapi ia tidak banyak membawa kebaikan atau kemajuan. Kebanyakan ibubapa masih tidak faham objektif-objektif PIBG.

Di mesyuarat-mesyuarat PIBG ini guru-guru telah banyak berusaha menyedarkan ibubapa mengenai peri pentingnya pendidikan dan dorongan yang perlu diberikan kepada anak-anak mereka. Ibubapa juga diberitahu perkara-perkara asas seperti menghantar anak mereka ke sekolah dengan bersih dan berpakaian lengkap. Guru-guru berharap bahawa di tahun-tahun yang akan datang PIBG akan menjadi saluran yang penting untuk membawa kesedaran mengenai pentingnya pendidikan.

Ibubapa dikenakan yuran sebanyak $3 setahun sahaja. Keahlian PIBG adalah lebih kurang 50% dari keseluruhan ibubapa pelajar-pelajar.

---

[1]Puan Rohani binti Salleh

### 4.2.4 BIASISWA

Dari temubual dengan guru-guru didapati bahawa 100% pelajar-pelajar sekolah ini mendapat biasiswa dari Yayasan Terengganu dan badan-badan Kerajaan yang lain. Jadi apakah masalah sebenar pelajar-pelajar ini? Kewangan? Mereka mendapat lebih kurang $100 sepenggal selepas dipotong yuran.

Mengikut guru[2] yang bertugas mengenai biasiswa pelajar-pelajar ini 'dimanjakan' dengan kemudahan ini sehingga tidak menilainya. Apabila guru meminta pelajarnya membeli atlas atau buku rujukan mereka tidak akan membelinya langsung, tetapi yang dibeli adalah majallah-majallah hiburan.

Ini menunjukkan sifat yang tidak mementingkan pelajaran di kalangan pelajar-pelajar ini dan kepentingannya sehingga bantuan kewangan juga disalahgunakan.

### 4.2.5 MASALAH BAHASA

Masalah ini telah menjadi masalah utama kerana pelajar-pelajar tidak mungkin dapat melanjutkan pelajaran lebih tinggi jika mereka gagal dalam kertas Bahasa Malaysia baik di tingkatan 3 atau 5. Masalah dalam peperiksaan lisan juga dihadapi oleh mereka kerana terlalu menggunakan bahasa daerah Kelantan. Ini menyebabkan pelajar-pelajar gagal.

---

[2] Encik Haziah Bin Mohammad

University of Malaya

Pengkaji telah bertemubual dengan guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia bagi kedua-dua tingkatan 3 dan 5. Guru-guru ini telah memberikan beberapa alasan berhubung dengan pencapaian yang rendah dalam Bahasa Malaysia.

Pertamanya ialah kegunaan bahasa daerah. Mengikut guru-guru ini jika mereka menggunakan Bahasa Malaysia 'standard' pelajar-pelajar tidak faham dengan lancar. Oleh itu guru-guru terpaksa menggunakan bahasa daerah. Ini adalah satu kelemahan bagi pelajar-pelajar kerana Bahasa Malaysia 'standard' ini biasanya adalah bahasa yang objektif, jika mereka tidak boleh memahaminya ini bermakna mereka kekurangan perbendaharaan kata yang merupakan masalah kedua pelajar-pelajar. Di sini pengkaji akan melihat data keputusan Bahasa Malaysia dengan teliti bagi tingkatan 5 dan 3 untuk melihat pencapaiannya.

**JADUAL 4 : 6**

**ANALISA KEPUTUSAN BAHASA MALAYSIA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

| MATA PELAJARAN | TAHUN | GRED | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
| | 82 | - | - | 6 | 2 | 6 | 8 | 14 | 14 | 3 |
| BAHASA MALAYSIA | 83 | - | - | 3 | 4 | 4 | 14 | 26 | 11 | 9 |
| | 84 | 1 | - | 7 | 5 | 7 | 22 | 29 | 6 | 1 |

**Sumber : Rekod Sekolah**

Dari data di atas boleh dilihat bahawa gred terbaik iaitu 1 hanya didapati oleh seorang pelajar pada tahun 1984. Pada tahun 1982 dan 1983 tidak terdapat pelajar yang mendapat gred 1.

Gred yang pelajar lulus dengan bilangan terbanyak adalah gred 7 dan 8. Ini merupakan gred yang paling minima untuk lulus mata pelajaran tersebut. Pada tahun 1982 bilangan murid yang lulus dengan gred 7 dan 8 adalah yang teramai sekali iaitu 14 pelajar bagi setiap satu gred. Bagi gred yang terbaik iaitu 3 hanya 6 pelajar berjaya mendapatnya.

Bagi tahun 1983 pula gred terbaik adalah 3 dengan 3 pelajar sahaja dan bilangan pelajar yang lulus dengan gred 7 adalah teramai sekali iaitu 26 pelajar. Pada tahun 1984 seramai 29 pelajar lulus dengan gred 7 iaitu bilangan pelajar teramai sekali dan gred terbaik adalah 1 dengan hanya seorang pelajar sahaja.

Dari ini dapat disimpulkan bahawa walaupun kelulusan matapelajaran Bahasa Malaysia adalah tinggi tetapi kualitinya sangat rendah kerana bilangan terbesar pelajar yang lulus itu mendapat kelulusan dengan gred yang paling minima iaitu 7 atau 8. Ini adalah keputusan yang lemah dan pencapaian dalam matapelajaran Bahasa Malaysia yang rendah.

Bagi pelajar-pelajar Sijil Rendah Pelajaran pula (SRP) gred terendah yang dicapai bagi tahun 1979 adalah 3 dengan hanya 5 pelajar. Gred yang teramai sekali pelajar lulus dengan adalah gred 7 iaitu 38 pelajar dan gred 8 dengan 28 pelajar.

Bagi tahun 1980 pula gred terbaik yang didapati oleh 6 pelajar adalah gred 2 dan pelajar yang teramai sekali lulus dengan gred 7 iaitu 29 pelajar. Seramai 15 pelajar lulus dengan gred 8.

Gred terbaik yang didapati oleh pelajar-pelajar dalam tahun 1981 adalah gred 2 dengan hanya seorang pelajar. 18 pelajar mendapat gred 3 dan majoriti pelajarnya lulus dengan gred 7 dan 8. 57 pelajar lulus dengan gred 7 dan 31 pelajar lulus dengan gred 8.

Dari analisa keputusan SRP ini dapat dilihat bahawa gred yang terbaik didapati oleh bilangan pelajar yang paling minima sahaja dan bilangan pelajar yang lulus itu hampir 30% daripada mereka lulus dengan gred paling minima iaitu 7 dan 8. Keputusan seperti ini menunjukkan kelemahan pelajar-pelajar dalam matapelajaran tersebut.

### 4.2.6 PENDEDAHAN KEPADA SUMBER PELAJARAN LAIN

Mengikut David P. Ausubel 'the more variable the environment to which individuals are exposed, the higher the resulting level of effective stimulation', di dalam artikelnya 'The Effect of Cultural Deprivation on Learning Pattern'. Beliau juga seterusnya menyatakan 'Neither the contribution of the cultural environment to intellectual development nor the modifiability of childrens' relative intellectual ability is questioned to-day'.

David P. Ausubel cuba menyatakan bahawa tidak adanya kefasihan bahasa atau perbendaharaan kata yang cukup menyebabkan

seseorang pelajar ketinggalan dalam dunia akademik. Ini adalah kerana di kawasan luar bandar ini sangat kurang sumber-sumber pelajaran atau pendidikan seperti objek-objek, majallah, buku-buku dan panggung wayang yang dapat menolong seorang pelajar meningkatkan pengetahuan, persepsi dan pengalaman yang lebih luas. Kesemua ini jarang sekali terdapat di kawasan luar bandar dan termasuk juga di tempat kajian.

Situasi di kampung juga adalah sangat lembab (monotonous) tidak terdapat kejadian-kejadian intelektual, dan merangsangkan yang berlaku di sini untuk memberi pertandingan dan meningkatkan situasi sosial mereka.

Keadaan atau situasi begini adalah fenomena universal yang didapati di kebanyakan negara sedang membangun.

Bernad Mackler dan Giddings (1967) merumuskan bahawa:-

'What is lacking is a means for schools to help these youngsters to alter their views of the situation to rid themselves of hopelessness and to dedicate themselves anew to the possibility of altering their circumstances'.

### 4.2.7 KESIMPULAN

Amnya boleh dikatakan bahawa persekelilingan kampung ini adalah sangat lembab dan tidak ada stimulasi atau inspirasi untuk belajar seperti juga tiadanya insentif sosial seperti teladan atau orang yang

telah berjaya untuk dibuat contoh. Akhirnya pelajar tersebut tenggelam dengan keadaan kampung tersebut dan tidak mempunyai keupayaan untuk mencapai taraf pendidikan yang tinggi.

## 4.3 FAKTOR EKONOMI

JADUAL 4 : 7

PENDAPATAN RESPONDEN

| PENDAPATAN SEBULAN | BILANGAN | PERATUS |
|---|---|---|
| $ 0 - $150 | 8 | 16 |
| $151 - $300 | 25 | 50 |
| $301 - $450 | 9 | 18 |
| $451 - $600 | 3 | 6 |
| $600 - $750 | 2 | 4 |
| $751 - $900 | 3 | 6 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Daripada data di atas 66% daripada responden atau ibubapa pelajar adalah di dalam kategori berpendapatan di antara $0 - $300 sebulan. Pendapatan ini jauh dari mencukupi untuk menanggung sebuah keluarga yang terdiri daripada 5 atau 6 anak bagi sesebuah rumahtangga.

Hampir 100% ibubapa membelanjakan lebih kurang $150 untuk perbelanjaan dapur sahaja dan lain-lain perbelanjaan juga terpaksa dipenuhi seperti yuran sekolah, bil-bil dan perbelanjaan harian yang lain. Oleh

itu untuk memberikan atau membekalkan anak-anak mereka dengan buku-buku rujukan dan alat-alat pembelajaran lain adalah mustahil dan ia tidak juga menjadi perhitungan di dalam perbelanjaan mereka. Ibubapa juga terpaksa berhutang dari pekedai atau jiran-jiran jika perbelanjaan tidak mencukupi. Keadaan ini menyebabkan ibubapa hanya mementingkan soal 'survival' daripada memberi perhatian kepada pelajaran anak mereka. Sifat fatalisma mula menular kepada diri mereka yang menyebabkan mereka menjadi sangat pessimistik terhadap masa hadapan mereka dan juga anak-anak mereka.

18% daripada responden pula mendapat pendapatan di antara $301 - $450. Mereka ini juga merupakan penoreh getah atau mengambil upah. 6% yang mendapat $451 - $600 itu merupakan pekerja seperti jaga sekolah dan kerani yang berkhidmat dengan kerajaan. Walaupun pendapatan mereka agak tinggi tetapi tanggungan mereka adalah banyak disebabkan adanya 'extended family' yang duduk bersama-sama responden seperti ibu dan ayah mertua.

Golongan yang mendapat $751 - $900 adalah golongan yang boleh dikatakan berada iaitu 6%. Mereka adalah tuan-tanah yang miliki tanah dan kebun serta Pegawai Pinggir. Walaupun pendapatan mereka adalah tinggi tetapi kesedaran tentang kepentingan pelajaran masih perlu ditekankan di kalangan ibubapa.

University of Malaya

## 4.3.1 KESIMPULAN

Amnya sebahagian besar dari ibubapa pelajar adalah miskin, kebanyakannya tidak boleh menemui perbelanjaan harian mereka. Golongan ini adalah yang mendapat $0 - $300 sebulan. Pendapatan yang sangat rendah, tiadanya wang simpanan dan hutang yang tinggi menyebabkan ibubapa lebih mementingkan soal 'survival' sehingga anak-anak yang ke sekolah juga perlu menolong ibubapa mereka di ladang. Musim cuti pelajar-pelajar digunakan untuk menambahkan pendapatan ibubapa. Jadi bagaimanakah mereka hendak atau boleh memberikan perhatian sepenuhnya kepada pelajaran mereka?

University of Malaya

# BAB 5

# KESIMPULAN DAN CADANGAN-CADANGAN

## 5.1 PENGENALAN

Pengkaji akan membuat satu rumusan ringkas bagi keseluruhan kajian yang telah dijalankan berdasarkan persepsi, pengetahuan dan maklumat yang diperolehi dari kajian tersebut. Pengkaji juga akan mengemukakan beberapa cadangan untuk mengatasi masalah tersebut dan juga cuba membuat kaitan antara teori yang digunakan dengan tajuk kajian.

## 5.2 KESIMPULAN

Kemiskinan adalah satu fenomena yang telah wujud untuk satu jangkamasa yang lama. Jika tiada langkah diambil maka ianya akan terus berkekalan dan untuk mengatasi masalah ini faktor-faktor dan angkubah-angkubah yang menyebabkannya perlu diketahui dan dikesan.

Dari kajian dan data yang telah dikumpulkan didapati bahawa 84% penduduk kampung ini adalah dibawah garis kemiskinan ( Jadual 2 : 5). Kemiskinan ini disebabkan oleh beberapa kombinasi faktor dan keadaan sosial yang akhirnya mempengaruhi pencapaian pendidikan anak-anak mereka. Faktor-faktor sosial adalah seperti sikap ibubapa sendiri yang tidak mengambil berat tentang pendidikan anak-anak mereka.

Rowntree telah bahagikan kemiskinan kepada dua jenis iaitu Primary Poverty dan Secondary Poverty. Kemiskinan di sini adalah kombinasi kedua-dua jenis yang dikatakan oleh Rowntree itu termasuk kekurangan kecekapan berfikir dan kekurangan pendapatan untuk meneruskan kehidupan dan mendapatkan hidup yang lebih baik.

Takrif Kemiskinan yang diberikan oleh Profesor Kamal Salleh itu boleh diaplikasikan kepada penduduk Kampung Bukit Payong. Mereka boleh digolongkan sebagai masyarakat miskin walaupun bukannya 100% penduduknya mendapat kurang dari $400 sebulan. Antara takrif yang digunakan oleh Profesor Kamal Salleh itu dan yang wujud di kampung ini adalah kekurangan pendapatan, tidak memiliki punca-punca pengeluaran dan pendidikan yang tinggi. Untuk mengukur kemiskinan pula pendapatan digunakan sebagai petunjuk utama dan 84% daripada penduduk di sini berpendapatan kurang dari garis kemiskinan iaitu $384 sebulan.

Teori Pendidikan pula menyarankan bahawa taraf pendidikan yang tinggi akan membolehkan seorang mencapai mobiliti atasan, dengan cara mempunyai pendapatan dan pekerjaan yang lebih baik. Menurut Profesor Awang Had Salleh kemiskinan menyebabkan pendidikan yang rendah dan ini mengakibatkan kemiskinan keluarga; yakni tidak adanya mobiliti atasan.

Dari kes kajian ini didapati bahawa pencapaian pelajar-pelajar di dalam bidang akademik adalah lemah dan rendah (Bab III) kerana beberapa faktor latarbelakang sosio-ekonomi yang mempunyai korelasi rapat dengan

kemiskinan ibubapa. Ini adalah benar seperti yang dikatakan oleh Datin (Dr) Nor Laily Aziz di dalam artikel Lembaga Perancang Keluarga Negeri 1979 bahawa:-

> 'It is an established fact that the poor are not only poor but have little or no education, have poor health and when they marry, have many children. The vicious poverty cycle therefore continues and thus, unless this cycle is broken, this group will not only be unable to participate in development but will also never enjoy the fruits of development.'

Hasil kajian juga mendapati bahawa kesedaran kepentingan pelajaran itu tidak terdapat pada kedua-dua ibubapa dan anak yang bersekolah. Ini adalah faktor yang utama dan mesti dihapuskan. Pelajar-pelajar juga tidak memberatkan pelajaran mereka. Ini jelas kelihatan dari sikap mereka yang tidak mahu menghadiri kelas-kelas tambahan serta peruntukan masa yang amat sedikit untuk mengulangkaji pelajaran mereka. Tambahan pula sikap ingin membaca dan membeli buku-buku yang berfaedah tidak ada walaupun mereka mendapat bantuan biasiswa. Ibubapa pula tidak memberikan perangsang dan perhatian yang sepenuhnya kepada anak-anak mereka yang bersekolah.

Dari segi kemudahan asas di sekolah pula pada pendapat pengkaji ia adalah baik cuma perpustakaannya sahaja yang perlu dikemaskinikan dan pelajar-pelajarnya mestilah digalakkan untuk menggunakkan perpustakaan samada untuk membaca ataupun untuk membuat rujukan.

Teori Profesor Awang Had Salleh adalah benar di mana pendidikan yang rendah yang dicapai oleh ibubapa menyebabkan kemiskinan keluarga dan kemiskinan keluarga ini mengakibatkan anak-anak di dalam keluarga itu tidak dapat menerima pendidikan yang memuaskan dan akhirnya tidak dapat melepaskan diri dari 'vicious cycle' tersebut.

Kenyataan ini berlaku di kampung ini kerana purata pendidikan ibubapa adalah rendah dan ini secara tidak langsung telah menyebabkan pula pencapaian yang rendah di kalangan anak-anak mereka kerana tidak adanya kesedaran pada pihak ibubapa dan anak-anak tentang kepentingan pelajaran untuk masa depan mereka.

## 5.3 CADANGAN-CADANGAN

Berikut ini ada beberapa langkah yang diharapkan boleh mengatasi masalah pendidikan di kampung ini. Cadangan-cadangan ini dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu:

### 1. PELAJAR-PELAJAR

Pelajar-pelajar di sekolah ini masih tidak sedar betapa pentingnya pelajaran kepada kehidupan mereka. Oleh sebab itu apa yang perlu dibuat oleh tenaga pengajar di sekolah ini adalah untuk memberikan satu 'revolusi mental' kepada pelajar-pelajar mengenai kepentingan pelajaran bukan sahaja bagi jangkapendek tetapi untuk jangkapanjang.

Ini dapat dilakukan dengan guru-guru mereka memberikan perhatian dan simpati yang lebih kepada murid-murid ini. Tenaga pengajar patut

mengadakan program-program penasihatan dan penggalakkan yang bertubi-tubi sehingga sikap pemikiran dan pandangan mereka yang pasif ini dapat diubah.

Pelajar-pelajar di sini tidak mempunyai model hidup yang dekat dengan mereka. Oleh itu seperti yang disarankan oleh Profesor Awang Had Salleh; pelajar-pelajar yang miskin ini perlulah diberikan penceritaan tentang kejayaan-kejayaan anak miskin. Mereka juga boleh mengadakan tayangan filem atau video, serta bertemuramah dengan orang-orang yang telah berjaya sekeluarga akibat daripada usaha mereka yang tidak putus-putus dalam bidang pelajaran.

Dengan cara ini diharapkan agar anak-anak disini akan sedar dan akan timbul cita-cita untuk memperbaiki taraf hidup mereka ini.

2. <u>IBUBAPA</u>

Dari kajian jelas bahawa ibubapa pelajar-pelajar ini tidak mempunyai kesedaran tentang pentingnya pelajaran untuk masa depan anak-anak mereka dan juga bagi keluarga amnya.

Oleh itu beberapa langkah segera patut diambil untuk mengubah corak pemikiran ibubapa yang sebegini.

Beberapa program-program kaunseling dan tunjukajar mengenai kepentingan pelajaran patut diadakan. Mungkin ini dapat dilakukan oleh badan-badan atau persatuan di sini seperti Kemas. Kesedaran bagi pihak ibubapa ini adalah sangat penting supaya mereka dapat menyediakan

kemudahan-kemudahan fizikal, sosial, moral dan intelektual untuk pertumbuhan anak-anak mereka tambahan pula ibubapa merupakan ajen sosialisasi yang utama bagi kanak-kanak.

Beberapa ceramah-ceramah dan kempen-kempen khas perlu diadakan juga supaya ibubapa dapat benar-benar menghayati kepentingan pelajaran didalam kehidupan seseorang itu.

## 3. GURU-GURU

Seseorang pelajar yang kekurangan serba-serbi akan mempunyai sikap negatif terhadap dirinya dan keadaan ini akan bertambah buruk jika gurunya tidak memberi perhatian kepada dirinya. Dengan ini guru-guru yang mengajar pelajar-pelajar ini sepatutnya berhati-hati dalam pertuturan mereka dan sikap mereka terhadap pelajar-pelajar ini.

Kementerian Pelajaran sepatutnya menyediakan satu latihan khas untuk guru-guru yang bakal mengajar murid-murid miskin di luar bandar dan hanya guru-guru yang berminat sepenuhnya sahaja patut diambil untuk mengajar pelajar-pelajar di luar bandar. Kanak-kanak amat menyanjung tinggi guru-guru mereka, jadi guru-gurulah yang diharapkan dapat menanamkan semangat ingin belajar dan menambah ilmu pengetahuan di kalangan pelajar-pelajar ini.

## 4. PERSEKITARAN KAMPUNG

Kemudahan-kemudahan untuk media-massa sepatutnya diadakan supaya pelajar-pelajar dapat meluaskan pengetahuan mereka lagi. Perbeza-

an besar yang terdapat di antara kawasan bandar dan luar bandar bagi kemudahan pelajaran patut dikurangkan supaya pelajar-pelajar di kawasan luar bandar dapat juga menikmati kemudahan yang sedia ada di bandar-bandar seperti perpustakaan bergerak alat-alat 'audio-visual' serta sebuah balairaya yang boleh dijadikan tempat 'tiusyen' atau perbincangan di kalangan pelajar-pelajar.

Daripada cadangan-cadangan yang telah diberikan ini adalah diharapkan pihak-pihak tertentu dapat menghapuskan jumlah keciciran di kampung ini dengan menggalakkan pertumbuhan ilmu pengetahuan dan pelajaran di kalangan penduduk-penduduk kampung ini.

University of Malaya

## BIBLIOGRAFI

### TEKS RUJUKAN


1. Ausubel P. David., Effects of Cultural Deprivation on Learning Patterns In Education and Social Change, ed., by E.T. Keach, R. Fulton, N.E. Gardner, New York : John Wiley and Sons. Inc.

2. Bailey D. Kenneth Methods of Social Research, Collier Macmillan Publishers, London, 1978.

3. David, H. H. and Lang, G., Children Perceptions of Th eir Teachers, Journal of Experimental Education, Vol. 29, 1960.

4. Festinger, L and Katz, D., Research Methods In The Behavioral Sciences, New York, Rinehart and Winston, 1953.

5. Lapuran Murad, Kajian Keciciran, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1973.

6. Mahmud Junus, Pokok-pokok Pendidikan dan Pengajaran, Hasil Kuliah Pada Fakultas Tarbijah Institusi Agama Islam, Negeri Djakarta Pustaka Mahmudiah, 1962.

7. Moser, Sir C. and Kalton, G., Survey Methods In Social Investigation, London, 1953.

8. Mackler B, and Gidding, M., Cultural Deprivation : A Study in Mythology In Education For The Disadvantaged, e.d., by Harry L. Miller, New York, The New Press, 1967.


University of Malaya

9. Misbaha, Sejarah Negeri Terengganu, Mansor Printing Press, 1968.

10. Ottaway, A.K.C., Education and Society; An Introduction to the Sociology of Education, London, Routledge and K. Paul, 1957.

11. Rosenthal, R. and Jacobson, L., Pygmalian Classroom, Holt, Rinehart and Winston, New York, 1968.

12. Rowntree, B.S., Poverty and the Welfare State a Third Social Survey of New York Dealing Only With Economic Questions, London, Longmans, 1951.

University of Malaya

## SEMINAR


1. Abdul Aziz Ungku, The impact of the report of the International Comission on the Development of Education on rural development, In Seminar On The Development Of Education Today And Tommorrow, 1974.

2. Datin (Dr.) Nor Laily Aziz, Population and Family Development - The Malaysian Experience, 1979.

3. Profesor Kamal Salih, Konsep Definasi dan Pengukuran Kemiskinan, dalam Seminar Kemiskinan Luar Bandar, Alor Star, 1983.

4. Profesor Syed Husin Ali, Aspek Sosiologikal Dalam Kemiskinan, dalam Seminar Kemiskinan Luar Bandar, Alor Star, 1983.

5. Tan Sri Profesor Awang Had Salleh, Aspek Pendidikan Dalam Kemiskinan dalam Seminar Kemiskinan Luar Bandar, Alor Star, 1983.


University of Malaya

**LATIHAN ILMIAH**


1. Hamdan B. Muhd. Salleh, Masalah Pelajaran Dalam Masyarakat Melayu Khusus di Kuala Kangsar, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1966.

2. Maliamau, J.R., Some Aspects Of The Education Of Plantation Workers, Academic Exercise, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya, 1972.

3. Oh, Kong-Lum., Some socio-economic factors effecting academic pupils in Two Malaysian Secondary Schools, Faculty of Education, University of Malaya, 1969.

4. T. Marimuthu., The Influence of Home Background On The Education Carrers and Aspirations Of Tamil Youths In Peninsular Malaysia, Ph.D. Dissertation (Unpublished), University of Manchester, England, 1975.


University of Malaya